



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Lawatan Rombongan Ahli-ahli Parlimen Singapura [Ruangan 7831]

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat—Perletakan Jawatan
[Ruangan 7831]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7834]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 7906]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Paten [Ruangan 7907]

Rang Undang-undang Taman Negara (Pindaan) [Ruangan 7945]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kelas Bahasa Ibunda (POL) di Sekolah Kepong [Ruangan 7962]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P, S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUI P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI,
A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN
JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, Tuan Mustaffa bin Mohammad (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH
SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K.
(Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWATEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P.
(Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TAU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulus Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.M., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S, B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Sarian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

.. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

.. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

.. DR TAN SENG GIAW (Kepong).

.. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

.. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

.. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

.. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

.. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

.. WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

.. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

.. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

.. DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 26hb Julai, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

LAWATAN-LAWATAN AHLI-
AHLI PARLIMEN SINGAPURA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, turut hadir bersama-sama kita di dalam Dewan pada hari ini ialah Rombongan Ahli-ahli Parlimen Singapura seramai 11 orang yang diketuai oleh Yang Berhormat Dr Yeo Ning Hong, Timbalan Menteri Pertahanan (*Tepuk*). Mereka membuat lawatan selama lima hari. Dalam tempoh lawatan tersebut mereka akan bertemu dengan pembesar-pembesar negara termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya bagi pihak Dewan Rakyat khususnya dan Parlimen Malaysia amnya mengalu-alukan kedatangan mereka ke Malaysia dengan harapan semoga perhubungan rapat di antara Parlimen Singapura dengan Parlimen Malaysia akan lebih erat lagi.

TIMBALAN YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT—
PERLETAKAN JAWATAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu kepada Majlis yang mulia ini iaitu Yang Berhormat Datuk

Dr Hee Tien Lai, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Yang di-Pertua mulai hari ini. Perletakan jawatannya telah dibuat mengikut peruntukkan Perkara 57 (2A) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:

“57. (2A) Timbalan Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Setiausaha Dewan Rakyat.”

Surat perletakan itu telah pun diterima oleh Setiausaha Dewan Rakyat pagi ini. Saya akan membacakan kandungannya:

“26hb Julai, 1983.

Setiausaha,
Dewan Rakyat,
Bangunan Parlimen,
KUALA LUMPUR

Yang Berbahagia Datuk,

Dengan segala hormatnya saya maklumkan iaitu mengikut Perkara 57 (2A) Perlembagaan Persekutuan, saya dengan ini meletakkan jawatan saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mulai tarikh surat ini.

2. Saya membuat keputusan meletakkan jawatan ini atas sebab-sebab peribadi setelah mengambil pertimbangan yang mendalam atas

kemungkinan Perkara 57 Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan Timbalan Yang di-Pertua yang akan dipinda tidak lama lagi dan juga dengan tujuan semoga saya dapat menumpukan masa saya sepenuhnya kepada keperluan rakyat khususnya di kawasan pilihanraya saya di Air Hitam dan di samping itu akan meneruskan semula amalan perubatan saya di Batu Pahat Johor.

3. Sambil mengundur diri saya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membawa cadangan memilih saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan juga kepada Dewan seluruhnya yang telah meluluskan usul bagi maksud itu pada awal mesyuarat Parlimen Yang Keenam. Di samping itu saya mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua Dewan Rakyat di atas tunjuk ajar dan bimbingannya dan kepada Datuk sendiri serta pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen yang sentiasa memberi kerjasama kepada saya sepanjang tempoh saya berkhidmat sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Sekian, terima kasih.

t.t.

(DATUK DR HEE TIEN LAI)

Ahli Dewan Rakyat
bagi Kawasan Air Hitam"

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr Hee Tien Lai di atas perkhidmatannya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan beliau telah pun dapat menjalankan tugas-tugas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan elok dan sempurna.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

1. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan tujuan didaftarkan Universiti Islam di bawah Akta Perniagaan dan kemudian diletakkan pula di bawah Kementerian Pelajaran. Apa beza Universiti Islam dengan Universiti-universiti lain yang juga boleh menerima pelajar asing. Apakah ciri perbezaan antara Pengetahuan Agama Islam di Universiti ini dengan Pengetahuan Agama Islam di Fakulti Islam di lain-lain Universiti.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Universiti Islam Antarabangsa sebenarnya ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bukannya di bawah Akta Perniagaan.

Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini di bawah Akta Syarikat 1965 ialah dengan tujuan untuk memberikan satu corporate personality, dengan izin, atau taraf perbadanan untuk membolehkannya menjadi satu badan Pengelola universiti itu dan membolehkan ianya menjadi sebuah Universiti Islam Antarabangsa. Universiti ini tidak ditempatkan di bawah Kementerian Pelajaran kerana ianya ialah sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa dan dikecualikan daripada beberapa peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang dikenakan kepada semua universiti-universiti tempatan di bawah Kementerian Pelajaran.

Tentang bezanya Universiti Islam Antarabangsa dengan universiti-universiti lain di negara kita ialah Universiti Islam Antarabangsa ini hak kepunyaan anjuran bersama beberapa negara dan bukan kepunyaan hak kita sahaja. Pada hal universiti-universiti tempatan di negara kita ialah kepunyaan Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti pada masing-masing adalah merupakan pihak berkuasa berkanun. Universiti Islam Antarabangsa boleh mengambil pelajar dari luar negeri atas dasarnya sendiri iaitu dasar yang tertentu yang tidak tertakluk kepada dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi universiti-universiti lain.

Pengetahuan agama Islam dan ajaran-ajaran Islam di Universiti Islam Antarabangsa diserapkan di dalam semua program pengajian iaitu program Undang-undang dan program Ekonomi untuk setakat ini. Dengan kata lain, pengetahuan agama Islam diintegrasikan dengan pengetahuan bidang-bidang professional. Di samping itu markas ilmu teras di Universiti Islam Antarabangsa memberikan pendidikan Islam dan pengetahuan agama bersangkutan dengan akidah, syariah dan akhlak yang diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar tetapi tujuannya bukanlah untuk melahirkan pakar-pakar dalam pengajian Islam di peringkat pengajian pra siswazah seperti di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Akademik Islam Universiti Malaya.

Matlamat utama dalam pengetahuan agama di Universiti Islam Antarabangsa ialah pembentukan peribadi Muslim berdasarkan kepada garis panduan akidah, syariah dan akhlak bukannya ahli fekkah atau ahli falsafah akhlak sebagaimana yang dilakukan oleh universiti-universiti lain. Jadi pendidikan Islam di Universiti Islam Antarabangsa lebih bersifat amali dari theoretical. Sebab itu ia tidak

mengasingkan bidang akidah, syariah dan akhlak dalam jabatan-jabatan yang berasingan.

Bagi orang-orang yang bukan Islam pengetahuan agama itu tidak bertujuan untuk dihayati oleh mereka, cukup sekadar diketahui secara objektif dan ilmiah oleh mereka tetapi bagi pelajar-pelajar Muslim, mereka dikehendaki menghayati ajaran agama Islam yang mereka pelajari.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup memahami tentang jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi. Cuma saya ingin bertanya, apakah Universiti Islam Antarabangsa ini akan mengadakan Sains Politik Islam (Islamic Political Science) supaya dapat memberi pengajaran kepada ahli-ahli politik Islam membezakan apa itu politik Islam dan apa itu agama Islam.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana pernah saya umumkan dalam Dewan ini bahawa buat permulaan Universiti ini mengadakan dua subjek sahaja iaitu bidang Ekonomi, Undang-undang dan Business Administration. Jadi pada masa-masa yang akan datang kita akan meluaskan pengajian ini ke dalam bidang-bidang lain termasuklah juga bidang sains politik.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah benar ada pihak yang tertentu yang memainkan peranan memulau dan menggagalkan projek Universiti Islam Antarabangsa yang baharu mula itu, dan sekiranya ada, sejauh mana kesannya terhadap perjalanan Universiti Islam Antarabangsa. Kalau boleh, dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini, pihak mana yang memainkan peranan yang seumpamanya ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak sedar adanya perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, satu ketika dahulu memang ada satu berita dalam surat khabar di mana mereka telah syak wasangka atas cadangan kerajaan menubuh universiti Islam Antarabangsa ini tetapi Kerajaan kita telah membuktikan dengan jelas bahawa kita telah dapat mendirikan universiti ini boleh dikatakan dalam satu record time dalam masa 18 bulan daripada hari kita membincangkannya iaitu pada 12hb Januari 1982 hingga kita mengadakan syarahan pertama pada 18hb Julai, 1983.

AKTIVITI AGENSI- AGENSI PERUMAHAN

2. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang mengawal aktiviti-aktiviti agensi-agensi perumahan (Real Estate Agents) dengan memerlukan mereka berdaftar dengan agensi Kerajaan yang berkaitan. Adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk memberhentikan amalan-amalan yang tidak saksama oleh agensi-agensi tersebut supaya mereka tidak membebankan kedua-dua pembeli dan penjual dan adakah suatu skel tetap dalam struktur bayaran telah diatitkan pada ketika ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti bagi agen-agen harta sesang dikaji oleh Lembaga Penilai dan Pentaksir bersama dengan Kementerian Kewangan, dan jika perlu, Kementerian akan mengambil langkah untuk merangka rang undang-undang untuk mendaftarkan semua agen-agen harta berkenaan. Pada masa ini tidak terdapat sebarang peruntukan undang-undang mengenai

skel bayaran yang boleh digunakan oleh agen-agen harta. Walau bagaimanapun, soal mengenakan bayaran ini akan disemak jika pendaftaran bagi agen-agen harta dilaksanakan.

ELAUN PERUMAHAN GURU- GURU DI SARAWAK

3. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa guru-guru yang berasal dari Sarawak tidak diberi elaun perumahan seperti guru-guru yang datang dari Semenanjung apabila mereka dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan bantuan sewa rumah adalah diberi kepada semua pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam termasuk pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang dihantar berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Kemudahan ini hanya diberi sekiranya pegawai-pegawai tersebut tidak dapat diperuntukkan rumah Kerajaan semasa berkhidmat di sana. Kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai-pegawai yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan berkhidmat di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia walaupun mereka diarahkan bertugas di kawasan yang jauh dari negeri-negeri tempat asal mereka, bermakna samalah juga keadaannya dengan pegawai-pegawai yang berasal dari Sarawak ataupun Sabah yang berkhidmat di sana.

Tuan Ling Sie Ming: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa guru-guru yang berasal dari Sarawak

tidak akan mengalami kerugian kerana pemindahan dari satu tempat ke satu tempat lain. Memandang kos kehidupan dan sewa rumah berlainan di daerah masing-masing seperti Bintulu dan Miri.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, keadaan di Bintulu itu adalah satu keadaan yang luar biasa di mana cost of living di sana memang begitu meningkat akibat daripada satu pembangunan yang begitu pesat sekali. Walau bagaimanapun, seperti mana saya kata tadi pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak berkhidmat di sana tidak ada perbezaannya dengan pegawai-pegawai dari Semenanjung berkhidmat di Semenanjung. Mereka tidak dapat kemudahan bantuan sewa rumah atau apa-apa elaun lain.

PROJEK KERETA MALAYSIA

4. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada projek kereta Malaysia adalah viable atau satu langkah bijak dari segi ekonomi kerana kadar efisien minima bagi sebuah kilang memasang kereta ialah lebih kurang 100,000 yunit setahun yang merupakan keseluruhan pengeluaran dari kilang-kilang memasang kereta di Malaysia, dan beri sebab-sebab untuk menjustifikasikan pelaburan begitu besar sebanyak lebih kurang \$560 juta dalam projek kereta Malaysia.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat nampaknya didasarkan di atas satu andaian yang kurang tepat iaitu kadar efisien minima kilang memasang kereta ialah lebih kurang 100,000 unit setahun. Jika andaian ini benar, semua kilang pemasangan kereta di Malaysia tentu sudah mengalami kerugian yang besar kerana kilang yang terbesar di

Malaysia hanya memasang paling lebih 25,000 unit kereta penumpang setahun. Keadaan sebenar menunjukkan sebaliknya. Kadar 100,000 unit setahun dikehendaki jika 90-100% dari kereta tersebut, termasuk enjin, dibuat oleh kilang tersebut atau pembekal dalam negeri. Bagi Kereta Malaysia buat permulaan cuma 36% sahaja akan dibuat dalam negeri, yang baki akan diimport sebagai CKD (Completely Knocked Down). Kita juga tahu bahawa di Taiwan sebuah kilang mengeluarkan cuma 30,000 unit setahun walaupun local content ialah 85%.

Mengenai Projek Kereta Nasional, sebelum projek ini dilancarkan, HICOM dan rakan-rakan usahasama iaitu Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation telah membuat kajian kemungkinan yang lengkap dan teliti yang mana menunjukkan projek ini bukan sahaja "viable" bahkan boleh menambahkan industri-industri sokongan dalam bidang perusahaan komponen-komponen. Kajian tersebut mengambilkira pasaran kereta di negara ini dan faktor-faktor sosio-ekonomi. Projek ini bukan sahaja mementingkan berapa banyak peluang pekerjaan dapat diadakan, tetapi ianya juga mementingkan daya pengeluaran (productivity) pekerja-pekerja. Pertimbangan juga diberi kepada usaha meningkatkan tahap kemahiran kejuruteraan, teknologi perkembangan industri sokongan dan seterusnya penyusunan semula industri kereta di Malaysia.

Mengenai kos yang tinggi yang disebut oleh Yang Berhormat itu, suka saya menegaskan di sini bahawa projek ini bukanlah satu projek memasang kereta sahaja, tetapi adalah sebuah projek membuat beberapa bahagian dari kereta. Di samping mempunyai satu kilang pemasangan

yang termoden, projek ini mempunyai kebolehan untuk mengeluarkan 'pressed parts' untuk badan kereta yang merupakan satu langkah ke arah kebolehan mengeluarkan kereta-kereta penumpang secara sepenuhnya di negara kita. Kemudahan-kemudahan lain seperti 'test track', sistem pemadam api, 'scrap baler' dan 'waste water treatment' yang tidak perlu diadakan dalam kilang-kilang pemasangan yang sedia ada, mesti diadakan di sebuah kilang membuat kereta. Kawasan tanah yang diperolehi untuk projek ini juga mengambilkira keperluan-keperluan perkembangan masa depan Projek Kereta Nasional. Sungguhpun \$560 juta dianggap angka yang besar, tetapi bagi kilang kereta yang capacity akhirnya ialah 120,000 buah kereta, pelaburan sebanyak \$560 juta ringgit adalah dianggap rendah.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya adalah seorang Wakil Rakyat yang sangat berminat dengan kereta Malaysia dan saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada pihak Kerajaan Barisan Nasional akan menamakan kereta Malaysia sebagai "Musabishi" atau "Yamahathir"?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu tak berbangkit dengan soalan asal.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya sedar bahawa sekiranya projek kereta Malaysia ini dilaksanakan maka ia dapat memberi banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Tetapi suka saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada projek kereta Malaysia ini akan menjejaskan masa depan kilang-kilang memasang kereta tempatan

memandangkan bahawa syarikat-syarikat ini pun juga telah mengambil ramai pekerja-pekerja tempatan untuk bekerja dalam syarikat mereka, dan sekiranya akibat dari persaingan yang hebat, mereka akan mengalami kerugian, maka ada kemungkinan bahawa mereka terpaksa memberhentikan ramai pekerja-pekerja yang ada berkhidmat dalam syarikat-syarikat mereka.

Perdana Menteri: Tuan yang di-Pertua, dalam kajian yang telah dibuat kita telah mengambilkira pasaran yang sekarang ini dimiliki oleh pemasang-pemasang kereta yang sedia ada. Walaupun demikian tentulah persaingan akan wujud dan kita harus ingat bahawa sehingga kini pun sudah ada kilang-kilang pemasangan kereta yang tidak lagi dapat memasang beberapa jenis kereta kerana pasaran kereta-kereta jenis baru yang diadakan oleh kilang-kilang yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan satu Kerajaan yang terbuka, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rela untuk mengumumkan semua kajian-kajian kemungkinan mengenai kereta Malaysia oleh kerana sampai masa ini ramai economists tidak yakin bahawa projek kereta ini di masa ini sesuai dan viable oleh kerana saiz pasaran tempatan yang begitu terhad dan tentulah kos pengeluaran akan meningkat. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar mengenai satu anggaran atau satu ramalan oleh seorang economist di Universiti Malaya bahawa kalau target untuk sasaran 90% untuk alat keluaran tempatan untuk kereta Malaysia dicapai bahawa ada kemungkinan besar kereta Malaysia akan berharga 3 kali ganda serupa harga kereta import, sungguhpun dalam peringkat permulaan baru 36% dari kereta Malaysia itu akan terdiri dari alat keluaran tempatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang Kerajaan yang terbuka tetapi ini tidak bermakna bahawa perniagaan yang diuruskan oleh Kerajaan ini juga terbuka kerana semua perniagaan ada rahsia-rahsianya dan saya tidaklah dapat mendedahkan semua rahsia-rahsia syarikat ini kerana mungkin Ahli Yang Berhormat berminat untuk mengadakan kilangnya sendiri (*Ketawa*).

Berkenaan dengan pendapat economists dalam negara kita ini, saya faham walaupun saya bukanlah pakar economy tetapi saya faham belum ada satu rancangan economy di dalam dunia ini yang tidak ditentang oleh economist yang lain walaupun economist yang membuat rancangan economy itu terdiri daripada orang yang terkenal, yang bijaksana dan sebagainya tetapi kita boleh cari economist yang akan berkata bahawa pendapat economist itu sebenarnya tidak berasas.

Berkenaan dengan kereta Malaysia ini sudah tentulah banyak economists yang akan mempunyai pendapat yang berbeza dengan pakar-pakar yang ada di dalam syarikat yang akan tubuh kilang ini, termasuk juga economists daripada Mitsubishi Motor Corporation dan Mitsubishi Corporation sendiri. Mungkin economist yang membuat teguran ini lebih pandai dan biasa mengadakan kilang kereta mereka daripada Mitsubishi, yang ini saya tak dapatlah memberi apa-apa pendapat kerana pengalaman mereka adalah lebih daripada orang lain tetapi pengalaman saya ini kurang daripada Mitsubishi dan Mitsubishi Corporation. Jadi saya terpaksa percaya sedikit kepada kajian yang dibuat oleh kedua-dua buah syarikat ini yang terdiri—mungkin Ahli Yang Berhormat tak tahu-tetapi Mitsubishi Corporation ini adalah di antara 20 syarikat yang terbesar sekali di dalam dunia ini.

Berkenaan dengan soal harga pula sama ada kalau 90% daripada motokar Malaysia ini diperbuat di Malaysia maka harganya akan naik 3 kali ganda. Inilah satu pendapat yang amat mengeciwakan sama sekali. Ini propaganda daripada pembuat-pembuat kereta di negara-negara lain yang selalu akan berkata demikian supaya kita tidak akan cuba membuat kereta. Kalau orang-orang Jepun umpamanya telah menerima pendapat yang macam ini, hari ini Jepun tidak boleh buat motokar. Begitu juga orang-orang Taiwan yang sekarang ini membuat motokar yang contentsnya hampir 95% local tetapi membuat cuma 30,000 buah motokar, harganya lebih murah daripada harga motokar yang dijual di Malaysia. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin hendak beli motokar Taiwan, saya boleh rayu kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk beri A.P. kepada beliau supaya dia dapat membeli sebuah motokar yang dibuat di Taiwan yang harganya murah daripada harga di Negeri Jepun. Ini menunjukkan bahawa walaupun local contents 90%, tetapi kalau ada kebolehan, kalau ada keupayaan mengurus dengan secara yang efficient, harganya tidak akan meningkat 3 kali ganda.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dengan wujudnya kilang motokar Malaysia ini tentulah akan banyak wujudnya kilang-kilang komponen bagi motokar-motokar Malaysia yang akan wujud itu. Jadi apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menentukan bahawa penglibatan tempatan di dalam modal untuk mewujudkan kilang-kilang komponen ini khasnya diberi keistimewaan kepada bumiputera yang akan menjalankannya? Akhir sekali saya minta supaya nama motokar ini jangan dinamakan "Rocket" sudahlah (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang nombor dua itu tidak dibenarkan (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, segala kehendak Dasar Ekonomi Baru akan dipatuhi dalam usaha kita untuk mengadakan industri-industri komponen. Saya tidak berhajat untuk menjawab bahagian kedua di dalam soalan tadi, cuma saya ingin menjelaskan bahawa saya telah mengumumkan bahawa nama kereta ini akan ditentukan melalui satu pertandingan yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mana Ahli Yang Berhormat daripada Parti Barisan Nasional dan juga Parti Rocket bolehlah buat cadangan kalau dianya suka.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercita-cita untuk menjual kereta Malaysia ini dengan harga yang sama, sama ada di Sabah, Sarawak dan Semenanjung?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jaminan tetapi seberapa yang boleh kita akan cuba supaya harga kereta ini disamakan tetapi sewa hendak bawa kereta daripada sini ke Sabah, itu bayar kepada kapallah bukan bayar kepada syarikat ini (*Ketawa*).

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebutkan bahawa 120,000 buah kereta ialah pengeluaran maksimum. Maka saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, apakan jangka masa untuk mencapai sasaran muktamad ini dan juga apakah anggaran permintaan pada masa itu, iaitu anggaran permintaan untuk kereta di dalam negara kita pada masa itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, angka 120,000 itu mungkin dapat dicapai pada tahun 1995 ataupun selepas daripada itu dan kita telah membuat satu andaian berkenaan dengan growth demand dalam Malaysia dan pada waktu ini pun kereta jenis ini hampir 100,000 sedang dijual di Malaysia dan kita percaya bahawa kalau growth sebanyak antara 8% hingga 10% dapat kita growthkan seperti yang berlaku sekarang ini, maka dalam tahun 1995 lebih daripada 200,000 motokar akan dijual pada satu tahun.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum, hari ini berbagai jenis kereta Jepun digunakan dalam Malaysia ini. Jadi tentulah kereta buatan Malaysia ini akan bersaing dengan pasaran kereta-kereta yang ada. Jadi bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, untuk menjamin pasaran kereta buatan Malaysia, adakah Kerajaan bercadang hendak menyekat kemasukan kereta-kereta sejenis dengan kereta buatan Malaysia ini dan hendak menghadkan kereta-kereta jenis lain yang dipasang di negeri ini supaya kereta buatan Malaysia itu akan mendapat pasaran yang baik?

Soalan yang kedua, dalam kenyataan Yang Amat Berhormat tadi menyatakan 35% kereta buatan Malaysia ini akan menggunakan alat keluaran tempatan. Dapatkah Yang Amat Berhormat menerangkan secara detail alat-alat yang sudah dikenalpasti yang akan digunakan dalam kereta buatan Malaysia ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita telah membuat kajian tentang kemasukan kereta-kereta yang ada sekarang ini dan kita tidaklah berhajat menyekat melainkan ada satu pertumbuhan yang agak besar dalam

import kereta-kereta ini, dengan lain perkataan, paras yang telah dicapai sekarang ini akan dikekalkan dan segala pertumbuhan akan dipenuhi dengan kereta-kereta buatan Malaysia. Harganya dianggap murah daripada harga kereta yang akan diimport daripada luar negeri. Walau bagaimanapun kalau ada cadangan untuk kereta-kereta jenis baru yang hendak dipasang di Malaysia, ini tidaklah akan dibenar oleh pihak Kerajaan lagi, tetapi yang sudah dipasang akan terus dipasang.

Berkenaan dengan alat-alat yang akan diguna, ini sudah pun kita tentukan iaitu di antaranya seperti biasa ialah tayar, bateri dan bermacam-macam lagi alat yang saya tidak dapat sebutkan tetapi yang akan digunakan khas bagi kereta Malaysia ini ialah apa yang diperkenal sebagai "pressed parts" iaitu badan yang memerlukan "pressing" iaitu menekan supaya dia dapat memenuhi acuan yang telah disediakan. Ini nilainya amatlah tinggi dan kerana "pressed parts" inilah maka 36% daripada nilai motokar-motokar itu akan dianggap diperbuat di dalam Malaysia. Tumpuan kepada "pressed parts" ini ialah supaya seberapa yang boleh motokar Malaysia ini tidaklah sama bentuknya dengan motokar yang diimport daripada negeri Jepun.

Begitu juga berkenaan dengan alatan di dalam motokar itu seperti panelnya, steeringnya, ini juga akan dibentuk khas untuk motokar Malaysia. Dalam membuat design motokar ini, saya ingin menjelaskan bahawa kita tidak sahaja menggunakan kepakaran dari pihak Jepun dan juga dari ITM Malaysia, tetapi supaya rupa bentuk motokar ini berbeza dengan rupa bentuk motokar Jepun, kita telah mengguna kepakaran daripada sebuah syarikat daripada Britain yang mana mereka diberi tugas khas untuk membawa idea-idea baru tentang design motokar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soal penghabisan Yang Berhormat dari Menglembu.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau boleh menyatakan dari segi pasaran untuk motokar Malaysia itu, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengedarkan motokar ini untuk dijual oleh pihak swasta menurut dasar privateisation Kerajaan dan adakah pihak Kerajaan menggalakkan Jabatan-jabatan Kerajaan menggunakan motokar Malaysia ini bukan seperti yang diamalkan pada masa ini mereka menggunakan motokar yang kadangkala adalah sedikit luxurious.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi dasar bagi syarikat ini untuk mengguna syarikat-syarikat swasta untuk mengedar motokar nasional ini, walaupun pihak HICOM sendiri bercadang supaya dianya mengadakan agen-agen yang dipunyai olehnya sebagai satu cara untuk memberi service yang mencukupi supaya dapat bertanding dengan service yang diberi oleh lain-lain jenis kereta. Pihak Jabatan Kerajaan mungkin akan membeli kereta-kereta ini jika keperluan Jabatan itu secukup dengan jenis dan kapastian motokar ini dan saya berharap juga bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat semua tidak lagi membeli Mercedes Benz tetapi membeli motokar nasional.

NELAYAN PUKAT SORONG— BANTUAN

5. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan pukat haram menjadi masalah kepada Kementerian

beliau, misalnya Nelayan Pukat Sorong atau Nelayan Pukat Sodok yang banyak didapati di kawasan-kawasan perairan Matang. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk membuat kajian dalam masalah pukat-pukat haram tersebut dan adakah beliau bercadang untuk menghalalkannya.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, kajian telah pun dibuat terhadap akibat pukat sorong dan telah didapati bahawa penghasilan cara penangkapan ini adalah udang yang belum matang dan anak-anak ikan. Selain daripada itu ianya juga didapati merosakkan kawasan anak-anak kerang membiak. Kajian juga mengutarakan bahawa pukat-pukat ini bukan sahaja mengganggu tempat-tempat pembiakan ikan, sotong, kerang dan udang. Malahan ianya dengan secara langsung memusnahkan sumber-sumber laut yang mana buat masa ini berada di tahap yang kritikal. Memandangkan yang penggunaan pukat sorong akan menjejaskan penghidupan nelayan-nelayan tradisi pantai dan juga menjejaskan sumber laut dalam jangka masa yang panjang, pihak Kementerian terus mengharamkan pukat tersebut.

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pertanian telah menyatakan bahawa Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk menghalalkan pukat sorong atau sodok itu. Jadi apakah langkah-langkah positif bagi menolong dan mengatasi masalah nelayan-nelayan tersebut yang mana nelayan-nelayan ini bergantung kepada pencarian hidup mereka dari pukat sorong ini.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertanian sedang berusaha menggalakkan penglibatan para nelayan ini supaya mengambil bahagian dalam rancangan

tanah ataupun mengusahakan bidang-bidang tanah mereka, tetapi bukanlah dengan begitu mudah kita dapat menyakinkan mereka ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, mereka ini adalah kebanyakannya memang turun temurun keluarga nelayan dari datuk nenek mereka sampai kepada mereka itu sendiri. Ini akan mengambil masa untuk menempatkan mereka ini ke tempat rancangan tanah Kerajaan yang lain. Saya meminta kerjasama daripada pihak Ahli Yang Berhormat itu supaya bekerjasama dengan pihak Kementerian supaya dia sendiri dapat menerangkan supaya mereka dapat kita tempatkan di dalam mana-mana rancangan yang sesuai untuk mereka hidup.

INDUSTRI KECIL—INSENTIF

6. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah bentuk-bentuk insentif yang diberikan bagi menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil di kawasan luar bandar jika dibandingkan dengan bentuk-bentuk insentif yang telah diberikan kepada industri-industri berat dalam bandar.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya galakan cukai yang diberikan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Galakan Taraf Perintis
- (ii) Galakan Menggunakan Buruh
- (iii) Galakan Tempat Kedudukan
- (iv) Galakan Kredit Cukai Pelaburan
- (v) Galakan Khas untuk Projek-projek Berasaskan Pertanian
- (iv) Galakan Elaun Ekspot

Walau bagaimanapun, bagi menggalakkan perusahaan-perusahaan kecil, Kerajaan menyediakan galakan-galakan cukai khusus untuk perusahaan kecil iaitu:

- (i) *Permodenan/Penambahan Pengeluaran*
Di bawah Akta Cukai Pendapatan elaun susutan dipercepatkan sebanyak 100% ke atas belanja logi dan masih diberi kepada semua industri sehingga tahun taksiran 1986.
- (ii) Pinjaman tanpa jaminan sehingga \$50,000/- dengan kadar faedah 7.5% boleh dipohon oleh pengusaha-pengusaha kecil di bawah Sekim Jaminan Kredit (CGC).
- (iii) *Pengecualian Dari Lesen Akta Cukai Jualan*
Bagi pengeluar yang jumlah perolehan pengeluarannya bagi barang-barang yang dikenakan cukai tidak melebihi \$100,000/- setahun adakah dikecualikan dari lesen di bawah Akta Cukai Jualan.
- (iv) *Pengecualian Dari Duti Setem Perjanjian* mengenai pajakan yang tidak melebihi \$2.4 juta adalah dikecualikan dari Duti Setem.
- (v) *Kadar Duti Setem Yang Rendah*
Kadar duti setem ke atas semua perjanjian-perjanjian dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pinjaman yang tidak melebihi \$250,000/- yang dibuat oleh pengusaha kecil yang diluluskan adalah 0.1%.
- (vi) *Pengecualian Cukai Jualan*
Pengecualian Cukai Jualan bagi bahan-bahan mentah yang digunakan oleh

perusahaan kecil juga dapat dinikmati oleh pengusaha-pengusaha kecil.

- (vii) *Cukai Tokok (Surtax)*
Pengecualian separuh Cukai Tokok diberikan kepada bahan-bahan mentah yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha kecil iaitu dari 2% kepada 5% sahaja.

Di samping itu Kerajaan juga telah membentuk satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji semula Galakan-galakan Cukai Pelaburan 1968. Jawatankuasa ini menimbang semula Galakan-galakan Pelaburan 1968 dengan mengambilkira kepentingan perusahaan-perusahaan kecil. Perkara ini adalah masih dalam kajian. Selain daripada itu, Kerajaan juga memberi galakan-galakan dalam bentuk bantuan seperti menyediakan perkhidmatan gunasama (common facility services), latihan, kemudahan kewangan perkhidmatan bantuan luar dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa program telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian ini seperti berikut:

- (a) *Projek Menyediakan Bengkel Membuat Perabut di Kubang Pasu, Kedah.*
- (b) *Sekim Kilang Bimbingan*
Di mana kerjasama Bank Pembangunan Malaysia Berhad didapati untuk melaksanakan sekim ini dengan tujuan untuk mewujudkan pengusaha-pengusaha Bumiputera yang dapat diasuh dan dibimbing sehingga menjadi pengusaha-pengusaha yang berjaya di samping memberi bantuan-bantuan seperti infrastruktur, latihan, pinjaman-pinjaman dan perkhidmatan gunasama.

(c) *Pusat Pamiran dan Rujukan Teknologi*

Kementerian ini telah pun menubuhkan satu Pusat Pamiran dan Rujukan Teknologi di mana maklumat-maklumat serta perkembangan teknologi serta mesin-mesin yang sesuai bagi kegunaan perusahaan-perusahaan kecil dipamirkan.

Bahagian Perusahaan Kecil bergiat di dalam menyediakan program-program tersebut di atas dan melalui Jawatankuasa Penyelarasan bagi Pembangunan Perusahaan Kecil, soal ko-ordinasi, pembentukan dasar, mengenalpasti peluang-peluang perusahaan-perusahaan kecil adalah di antara perkara-perkara yang dibincangkan demi untuk mempertingkatkan lagi pembangunan perusahaan-perusahaan kecil di dalam negara kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan berbagai galakan atau insentif untuk industri-industri kecil di negara ini, di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa satu masalah yang sentiasa dialami oleh pengusaha industri-industri kecil di negara ini ialah tentang kekurangan tapak-tapak yang begitu sesuai untuk mendirikan industri-industri kecil dan jika beliau sedar, suka saya mendapat tahu daripada beliau, apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh bahagian Industri Kecil di dalam Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi masalah yang serius ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak Kementerian sedar salah satu daripada masalah yang dihadapi dalam perkembangan industri-industri kecil ialah masalah

tapak dan oleh sebab itu salah satu perkara yang akan diberikan perhatian dalam merancang program untuk pembangunan perusahaan kecil ialah mencari tapak-tapak yang sesuai yang boleh digunakan oleh pengusaha-pengusaha kecil untuk melaksanakan program tersebut khususnya bagi kawasan Wilayah Persekutuan kita telah mendapat persetujuan daripada peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan di mana satu tapak seluas lebih kurang 40 ekar telah pun disediakan bagi menempatkan perusahaan kecil yang akan dibina melalui sekim yang diuruskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Demikian juga kita sedang merundingkan dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengenalpasti kawasan-kawasan baru yang sesuai yang juga boleh digunakan untuk menentukan perusahaan-perusahaan tertentu dijalankan bagi kawasan-kawasan yang berkenaan. Di dalam hal ini rancangan sudah pun dijalankan dengan beberapa buah negeri di Kelantan, Kedah, Perak dan juga beberapa buah negeri lain untuk melaksanakan projek perusahaan kecil ini.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar untuk memindahkan industri-industri kecil ke luar bandar berkehendakan kepada infrastruktur atau kemudahan telekomunikasi yang baik seperti telefon dan juga kuasa-kuasa elektrik. Jadi dalam perindustrian pertanian, misalnya di projek Johor Barat di mana kemudahan-kemudahan asas masih belum lagi mencapai ke tahap yang boleh diharapkan untuk memodenkan industri dan memandangkan keadaan ekonomi meleset sekarang ini, adakah kemungkinan pembangunan infrastruktur-infrastruktur ini akan terjejas, dan oleh yang demikian

mungkin juga akan menjejaskan pembangunan pemindahan atau pemindahan industri-industri ke luar bandar.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang di-Pertua kita memang mengakui bahawa di kawasan-kawasan tertentu mungkin kemudahan-kemudahan infrastruktur tidak dapat disediakan dengan lengkap, tetapi bagi program perusahaan kecil ini memang kita memberi perhatian utama terutama di mana kawasan-kawasan yang sudah pun kita kenalpasti ada potensi untuk dibangunkan industri kecil, maka kita mengadakan perundingan dengan pihak-pihak berkuasa negeri di mana dapat disediakan kemudahan-kemudahan asas dan dalam hal ini saya kira khususnya di Johor memang ada kemudahan-kemudahan asas yang disediakan. Walaupun kita sedari di dalam hal-hal tertentu ia tidak mencukupi seperti bekalan telefon, bekalan elektrik, tetapi kita sedar khususnya Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Perusahaan Kecil Kebangsaan yang telah pun ditubuhkan, menyedari akan hakikat ini dan kita akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya rancangan untuk perkembangan industri ini tidak akan terbantut.

Tuan Kadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan tentang pinjaman tanpa cagaran sehingga \$50,000 sebagai insentif kepada pengusaha industri kecil kampung. Jadi saya ingin mendapat penjelasan setakat manakah minat dan kesanggupan institusi-institusi kewangan di dalam negara ini seperti bank-bank untuk memberikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha industri kecil kampung tersebut, kerana mengikut pengalaman-pengalaman yang lepas

pengusaha-pengusaha industri kecil kampung ini begitu susah untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank di mana mereka susah ataupun sukar untuk mencari penjamin-penjamin bagi pinjaman mereka.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tidak dapat saya jelaskan dengan detail. Mungkin ada kes-kes yang tertentu di mana permohonan yang dikemukakan oleh pengusaha-pengusaha atau bakal pengusaha tidak mendapat pertimbangan yang sewajarnya, mungkin perkara ini berlaku pada masa-masa yang dahulu, tetapi mengikut pepatah Melayu: Lain dahulu, lain sekarang.

Saya kira pihak institusi kewangan telah pun diarahkan untuk memberikan layanan-layanan yang sebaik-baiknya kepada sektor-sektor yang diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan dan dalam hal ini sektor perusahaan kecil adalah satu daripada sektor yang penting dan oleh sebab itu tidak ada sebab sekiranya permohonan yang dikemukakan oleh orang-orang yang dianggap berpotensi dan mempunyai kelayakan tidak diberikan layanan yang sewajarnya. Kalau sekiranya khusus bagi kawasan Tenggara ada kes-kes tertentu, saya fikir ada badan-badan yang bertanggungjawab di mana laporan boleh diberikan supaya masalah itu dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok, soalan penghabisan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi ada menyebut beberapa kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan kepada industri-industri luar bandar.

Kita sedia maklum semenjak dilancarkan Dasar Ekonomi Baru banyak pengusaha-pengusaha di luar bandar telah mewujudkan kilang-kilang dan sebagainya. Tetapi adakah Timbalan Menteri itu sedar banyak industri-industri kecil itu pada hari ini telah pun ditutup. Saya ingin bertanya kalau boleh Timbalan Menteri memberitahu, berapa banyakkah kilang-kilang ataupun industri-industri kecil di luar bandar ini yang telah ditutup oleh Kerajaan.

Yang kedua, saya ingin bertanya apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membantu industri-industri kecil di luar bandar ini yang telah menerima atau menemui kegagalan supaya pengusaha-pengusaha khususnya bumiputera itu dapat dibangunkan semula.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan angka-angka, saya minta diberikan notis, sebab dalam soalan asal tidak diminta berapakah jumlah industri-industri kecil di kampung yang gagal dalam rancangannya. Kalau Yang Berhormat itu ingin mendapatkan maklumat, mungkin dapat dikumpul di masa yang lain, tetapi sukalah saya jelaskan memang kita mengenal pasti bahawa salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh bakal-bakal pengusaha dan juga pengusaha-pengusaha yang baru dalam bidang perkilangan atau perusahaan kecil ialah kekurangan pengetahuan dan juga pengalaman dalam memasuki bidang yang baru itu. Oleh sebab itu kita sedang mengkaji langkah-langkah yang patut diambil untuk menentukan bahawa kita dapat melahirkan kumpulan-kumpulan usahawan yang berbakat dan berpotensi untuk melaksanakan projek ini dengan jayanya iaitu dengan mengadakan program-program yang intensif untuk melatih kumpulan-kumpulan usahawan yang boleh kita ketengahkan.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, kita ada satu skim yang kita panggil Skim Semaian Usahawan Bumiputera di mana dalam tempoh 3 tahun kita merancang untuk mengadakan sekurang-kurangnya 500 bakal-bakal usahawan bumiputera yang dapat memasuki bidang pengusaha kecil ini.

Keduanya, kita yakin salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kita ialah pengetahuan dari segi teknik untuk mengusahakan perusahaan ini dengan cara yang ekonomik. Oleh sebab itu satu daripada aspek latihan ialah bukan sahaja dari segi untuk mendidik pengetahuan umum berkenaan dengan pasaran dan sebagainya, tetapi juga teknologi-teknologi yang baru yang sesuai digunakan di dalam negara kita. Dan Pusat Pamiran dan Teknologi yang disediakan yang baru dibentuk ini akan dapat membantu bakal-bakal pengusaha untuk mengenal pasti jenis-jenis alatan mesin yang sesuai digunakan untuk tujuan tersebut.

Kita juga sedar selain daripada itu masalah pemasaran yang biasa dibangkitkan oleh pengusaha-pengusaha kecil dalam menandingi kilang-kilang besar yang banyak terdapat dalam negara kita. Dalam skim ini kita akan kaji di bawah Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan ialah satu skim yang integrated iaitu mengenal pasti kumpulan-kumpulan yang kita fikirkan bekelayakan dan berpotensi untuk memasuki bidang pengusaha ini, menyediakan dan mengenal pasti kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai dan selain daripada itu memberikan galakan, mengenal pasti pasaran-pasaran dan mengeluarkan bahan-bahan yang kita fikirkan boleh mendapatkan pasaran dan sambutan bukan sahaja daripada pengguna-pengguna tempatan, tetapi juga di peringkat pasaran antarabangsa.

BALAI BOMBA DI LUAR BANDAR PEMBINAAN

8. Datin Paduka Zaleha Ismail minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian beliau memberikan keutamaan kepada pembinaan Balai-balai Bomba di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memberi keutamaan pembinaan Balai Bomba di semua kawasan tidak kira dalam ataupun di luar bandar asalkan di tempat-tempat yang berkenaan mempunyai risiko kebakaran yang paling tinggi.

Pada masa ini terdapat sebanyak 141 Balai Bomba di seluruh negara di Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan bercadang membina sebanyak 26 buah Balai Bomba lagi.

Sebagai langkah untuk membanyakkan lagi Balai Bomba, Kementerian ini telah membeli beberapa lot tanah untuk dijadikan tapak Balai Bomba untuk masa hadapan termasuk di Selangor. Kementerian saya juga sedang dalam proses memperolehi tanah-tanah di seluruh negara sebagai langkah jangka panjang dengan tujuan penubuhan Balai-balai Bomba dalam masa-masa hadapan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah kriteria yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk menentukan tapak atau tempat untuk meletakkan sebuah Balai Bomba di satu-satu tempat. Adakah ini bergantung kepada bilangan penduduk-penduduk di sana atau jauhnya dari Balai Bomba yang ada di tempat lain?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kriteria bagi mendirikan sesuatu Balai Bomba adalah berpandukan kepada banyak faktor-faktor. Di antaranya bilangan bangunan dan jenis bangunan yang ada, risiko-risiko tertentu seperti industri-industri, bangunan-bangunan tinggi dan lain-lain perusahaan yang merbahaya, umur bangunan-bangunan yang telah pun dilindungi, kesesakan lalu-lintas, keadaan jalan raya itu sendiri sama ada senang dilalui oleh kereta bomba atau tidak, kesempatan jalan raya, bilangan penduduk bagi satu-satu kawasan, tinjauan pembangunan pada masa yang akan datang dalam tempoh 5 atau 10 dan 15 tahun, tinjauan kepada pertambahan penduduk bagi masa yang akan datang, taraf pencegahan kebakaran bagi satu-satu bangunan, jarak tempat yang berkenaan daripada Balai Bomba yang sedia ada dan sebagainya.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa di Selangor sendiri Kementerian beliau telah pun membeli lot-lot tanah dan juga untuk menentukan bahawa dalam jangka panjang banyak lagi Balai-balai Bomba dapat dibina. Saya ingin bertanya mengenai Balai Bomba di pekan Sekinchan di kawasan Parlimen Tanjung Karang di mana dalam minit mesyuarat Tindakan Daerah sepanjangan masa Balai Bomba Sekinchan ini ada tercatat, bahkan pihak Kerajaan Negeri juga telah mengenalpasti tapak Balai Bomba ini tetapi laporan yang diberikan oleh pegawai Jabatan Bomba dalam mesyuarat Tindakan Daerah ialah bahawa tidak ada peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah ianya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini

kerana memandangkan bahawa pekan Sekinchan begitu pesat membangun dan kepadatan juga adalah bertambah dan tambahan pula kalau dalam musim kemarau di kawasan sekitarnya iaitu kawasan padi, mudah sangat terbakar. Begitu juga di kawasan tempat nelayan di bagan adalah perumahan yang begitu sesak yang risiko kebakarannya sangat tinggi.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kementerian saya telah membeli sebidang tanah di Sekinchan untuk membina sebuah Balai Bomba dan cadangan ini telah pun dikemukakan kepada pihak Kerajaan tetapi sehingga sekarang belum lagi kita dapat kebenaran. Walau bagaimanapun cadangan ini telah pun dikemukakan kepada Kerajaan balik semula untuk ditimbang dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat dan kita masih menunggu kebenaran.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adakah beliau sedar bahawa beberapa pekan kecil terutamanya di luar bandar yang telah pun mengalami kebakaran yang tidak dapat dikawal sehinggakan bomba hanya datang sesudah lebih kurang 3-4 jam. Kalau beliau sedar, adakah Kementerian beliau bercadang untuk menubuhkan unit-unit sukarela seperti yang telah pun ditubuhkan beberapa tahun yang lalu tetapi telah ditidak adakan sekarang?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa di beberapa tempat di luar bandar masih tidak mempunyai Balai Bomba dan ini juga ada termasuk dalam rancangan jangka panjang oleh Kementerian saya. Walau

bagaimanapun sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya sedang mewujudkan 23 projek perintis bomba gotong-royong bantuan Kerajaan di Semenanjung Malaysia sebagai langkah untuk membantu Jabatan Perkhidmatan Bomba melawan kebakaran di luar bandar. Tentang Bomba gotong-royong di tempat-tempat yang lain, walaupun Kementerian saya buat masa sekarang ada cadangan-cadangannya. Kementerian kita memerlukan galakan dan sokongan dari penduduk-penduduk tempatan dan kalau ada sokongan dan sambutan yang baik, Kementerian saya akan menjalankan kursus-kursus dan juga latihan-latihan bagi mereka yang berminat untuk bertugas dalam bomba gotong-royong.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 40 adalah diberi di bawah ini.)

INDUSTRI KAMPUNG

7. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan supaya hasil perindustrian kampung ataupun "Cottage Industry" mendapat pasaran yang baik di dalam dan di luar negeri.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Kementerian saya telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk memastikan supaya hasil-hasil perindustrian kampung dapat pasaran yang baik di dalam dan di luar negeri.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) memberi khidmat nasihat, tunjuk ajar dan latihan kepada pengusaha-pengusaha industri kampung supaya mutu, rekabentuk dan hasil pengeluaran mereka terjamin, memenuhi kehendak citarasa oleh pembeli/pengguna di dalam dan di luar negeri;
- (ii) menyediakan saluran-saluran pasaran supaya barang-barang industri kampung dan kraftangan dapat dipasarkan secara teratur dan berkesan;
- (iii) mengadakan pameran-pameran dan pertunjukan untuk memperkenalkan hasil-hasil industri kampung dan kraftangan;
- (iv) mendapatkan kerjasama dari agensi-agensi yang lain seperti Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia dan MAS supaya dapat menarik minat pelancung melihat dan membeli hasil industri kampung terutamanya kraftangan;
- (v) membuat hubungan secara langsung dengan wakil-wakil perniagaan di seberang laut dan juga Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di seberang laut.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PENCARUM

9. Tuan Kim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan ahli-ahli yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja setiap tahun dan berapakah jumlah wang yang dicarumkan;

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggunakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tersebut untuk memberi faedah-faedah secara langsung kepada pekerja-pekerja negara kita; dan
- (c) sama ada Lembaga Kumpulan Wang tersebut akan menimbang untuk menubuhkan anak-anak syarikat kemajuan dan kewangan untuk menggalakkan pemilikan rumah di kalangan pekerja-pekerja.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- (a) Jumlah ahli-ahli yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan jumlah simpanan mereka bagi tiga tahun yang lepas ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Pencarum</i>	<i>Jumlah Simpanan Pada Akhir Tahun</i>
1980 ..	3.75 juta	\$ 9,121 juta
1981 ..	4.04 juta	\$11,212 juta
1982 ..	4.19 juta	\$14,052 juta

- (b) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah melaksanakan beberapa sekim pengeluaran caruman untuk memberi faedah-faedah secara langsung kepada pencarum-pencarumnya. Di antara sekim-sekim ini ialah sekim pengeluaran caruman untuk pembelian rumah, faedah insuran kematian, sekim pengeluaran faedah simpanan tahunan, sekim pengeluaran caruman pada umur 50 dan 55 tahun, faedah pengeluaran meninggal dunia dan faedah pengeluaran tidak berkeupayaan bekerja.

- (c) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sentiasa berusaha untuk menggalakkan pemilikan rumah oleh pekerja-pekerja yang menjadi ahli KWSP, antara lain termasuk juga kemungkinan untuk menubuhkan anak-anak syarikat kewangan dan perumahan.

Bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini KWSP telah pun mempunyai sebuah syarikat bersekutu yang terlibat dalam memberikan pinjaman bagi menggalakkan pemilikan rumah di kalangan pekerja-pekerja. Di samping itu, KWSP juga mempunyai cadangan untuk melaksanakan projek-projek perumahan khusus bagi ahli-ahlinya dan untuk orang ramai yang lain pada amnya. Setakat ini, pihak KWSP sedang mengurus untuk mendapatkan tanah di Kuantan, Pahang dan di Kota Kinabalu, Sabah untuk projek-projek perumahan tersebut. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk melaksanakan projek-projek perumahan ini masih di dalam peringkat perancangan awal.

PENDATANG HARAM VIETNAM—PENEMPATAN

10. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah masalah penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam di negara-negara ketiga belum dapat diselesaikan sehingga bilangan mereka yang masih berada di negara ini meningkat kebelakangan ini. Apakah sikap pandangan dan langkah-langkah pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa

yang berkaitan dan kerajaan negara-negara ketiga seperti Amerika, Perancis, Australia dan lain-lain dalam membantu menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa bin Hitam): Untuk makluman Yang Berhormat, masalah yang dihadapi kini, ialah keinginan dan keupayaan orang Vietnam dari segenap lapisan melarikan diri dari Vietnam kerana tidak lagi sanggup hidup di bawah pemerintahan komunis. Lebih kurang 30,000 orang Vietnam telah diberi "EXIT VISA" tetapi masih belum mendapat "ENTRY VISA" dari negara-negara ketiga dalam Rancangan Pemindahan Teratur (Orderly Departure Programme). Kesulitan inilah, yang menyebabkan orang-orang Vietnam terus meninggalkan Vietnam melalui jalan laut.

Wakil Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) sentiasa berusaha untuk memindahkan pendatang-pendatang haram Vietnam, ke negara-negara ketiga dan sehingga ini 27 negara telah menerima mereka.

Negara-negara ketiga pula seperti Amerika Syarikat dan Australia memberi keutamaan untuk penyatuan Keluarga (family reunion). Mereka mengambil masa untuk memproses semua permohonan. Pendatang Haram Vietnam pula memilih negara ketiga yang tertentu sahaja dan tidak mahu pergi ke lain-lain negara. Di samping itu Negara-negara ketiga juga terus mengambil pelarian dari negara-negara lain dalam ASEAN. Australia mengambil seramai 3,480 orang dari Malaysia dari peruntukan seramai 12,000 untuk pelarian Indochina bagi tahun 1982/83, iaitu 29% dari peruntukan dan masih terus mengambil mereka. Amerika Syarikat pula telah mengambil 10,684 orang

pada tahun 1982 dan 1,776 pada tahun ini sehingga akhir bulan Jun 1983. Amerika Syarikat telah memberi perakuan akan terus mengambil pendatang Haram Vietnam dari Malaysia.

KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA

11. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah konsep "Persyarikatan Malaysia" telah dilaksanakan dan berapa buah Jabatan-jabatan, pertubuhan-pertubuhan dan organisasi-organisasi Kerajaan telah mengambil bahagian dan apakah tindakbalas pihak swasta pula. Adakah pada keseluruhannya semua pihak faham akan makna konsep "Persyarikatan Malaysia" ini, terutamanya di kalangan pihak swasta.

35. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebahagian dari Menteri-menteri beliau tidak memahami konsep Persyarikatan Malaysia, jika benar, menyatakan sebab-sebab mengapa, dan menerangkan "rational" di belakang konsep Persyarikat Malaysia yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

Perdana Menteri: Saya mohon izin untuk menjawab soalan No. 35 dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera bersama soalan ini kerana mengenai perkara yang sama.

Mengikut konsep ini kedua-dua pihak awam dan swasta perlu bekerjasama rapat untuk menjayakan aktiviti masing-masing. Dalam pengertian konsep ini negara kita dianggap seolah-olah sebuah syarikat di mana agensi-agensi Kerajaan dan swasta adalah sebagai rakan perkongsian (partners). Untuk menjaya dan menjaga segala

kepentingan "syarikat" ini rakan-rakan perkongsian ini perlulah sentiasa bekerjasama dan bantu-membantu. Oleh kerana sektor swasta merupakan bahagian yang mencari keuntungan maka sektor awam semestinya bertindak sebagai penyokong yang berkesan bagi mencapai keuntungan yang diharapkan. Pada akhirnya jika pihak swasta lebih berjaya, maka lebih banyaklah hasil dari cukai yang dapat diperolehi Kerajaan. Di samping itu juga, perniagaan yang maju akan membawa lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan sampingan. Mereka yang mendapat peluang-peluang ini juga akan membelanjakan pendapatan mereka yang mana sudah tentu akan mempertingkatkan kegiatan bermacam-macam aktiviti-aktiviti ekonomi. Sebahagian daripada barang-barang yang akan dibeli oleh mereka ini akan dikenakan cukai. Dengan cara ini pula Kerajaan akan dapat memungut hasil cukai untuk menampung perbelanjaan urusan dan pembangunan negara. Dengan itu rasional dan matlamat konsep ini ialah supaya pihak Kerajaan dan pihak swasta sentiasa bekerjasama rapat yang mana akan memberi lebih banyak sumbangan kepada pembangunan negara.

Mengenai soalan setakat mana konsep Persyarikat Malaysia ini telah dilaksanakan serta penyertaan agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta dalam pelaksanaannya, saya ingin menyatakan bahawa konsep ini sedang dilaksanakan. Pelaksanaannya melibatkan semua agensi Kerajaan terutama sekali agensi-agensi yang ada hubungan secara langsung dengan pihak swasta sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

Berkenaan soalan sama ada konsep Persyarikatan Malaysia ini telah difahami oleh semua pihak, memanglah seperti yang dijangkakan dalam tempoh permulaan konsep ini

diperkenalkan banyak pihak yang terkeliru. Walau bagaimanapun, saya telah mengambil tindakan untuk menerangkan sejelas-jelasnya kepada Anggota Pentadbiran dan pegawai-pegawai Kerajaan melalui ucapan, arahan dan surat pekeliling, dan juga melalui media massa seperti TV dan surat-surat khabar bagi faedah orang ramai. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian turut menerangkan kepada rakyat supaya mereka benar-benar faham konsep ini.

INDUSTRI BINAAN— KESELAMATAN PEKERJA

12. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Buruh menyatakan adakah beliau sedar bahawa pemborong-pemborong dalam bidang industri binaan sebagai majikan tidak mengambil berat terhadap pekerja-pekerja yang menjalankan kerja di tapakbina terhadap keselamatan, kesihatan serta kebajikan mereka dan sama ada menjadi tanggungjawab kepala-kepala iaitu sub-kontraktor-sub-kontraktor atau kontraktor-kontraktor itu sendiri dalam perkara-perkara ini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan supaya kepentingan pekerja-pekerja golongan ini tidak terus terbiar.

Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam): Pekerja-pekerja dalam industri pembinaan, seperti juga pekerja-pekerja dalam industri lain yang bekerja di bawah satu kontrak perkhidmatan adalah diliputi oleh Undang-undang Buruh. Bagi pekerja-pekerja yang bekerja di bawah kontrak kecil, iaitu dengan cara pembahagian keuntungan, adalah dianggap sebagai pekerja-pekerja tanpa majikan dan tidak mempunyai kontrak perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Akta Kilang dan Jentera, 1967 yang dikuatkuasakan

oleh Kementerian saya adalah meliputi semua pekerja di tapak-tapak binaan sama ada mereka itu bekerja di bawah satu kontrak perkhidmatan atau tidak. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap pemborong dan majikan serta pekerja-pekerja sendiri untuk mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Akta tersebut bagi menentukan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja sentiasa terpelihara. Pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa melakukan pemeriksaan mengejut dan pemeriksaan ulangan dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan di bawah Akta yang berkenaan dipatuhi oleh pihak majikan.

TARIKH PUASA/HARI RAYA— MENYELARAS

13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah dan dayausaha yang diambil bagi menyelaraskan dan menentukan sesuatu keputusan di dalam amalan-amalan Islam di antara Negeri-negeri di Malaysia ini supaya seluruh rakyat beragama Islam akan mengamalkan sesuatu keputusan itu dengan penuh keyakinan dan kepercayaan yang tak berbelah bahagi kepada pemerintah-pemerintah negara ini, terutama di dalam menentukan tarikh permulaan puasa dan hari raya.

27. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan tentang peranan utama dan usaha-usaha Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia selama ini dalam usaha menyatu dan menyelaraskan pentadbiran hal Ehwal Agama Islam di negara ini dan apakah usaha-usaha yang positif ke arah meletakkan semua negeri dalam suatu Majlis tersebut.

Perdana Menteri: Izinkan saya menjawab pertanyaan No. 13 dan 27 secara serentak, memandangkan pertanyaan-pertanyaan itu mempunyai jawapan yang hampir sama.

Penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, merupakan langkah dan daya usaha Kerajaan bagi menyelaras dan menentukan sesuatu keputusan dalam amalan-amalan Islam di negara ini. Objektif majlis ini, untuk menggalakkan persamaan dan menyelaraskan perkara-perkara yang bersangkutan dengan perundangan, pelajaran dan pentadbiran Agama Islam di seluruh negara supaya tidak berlaku, atau sekurang-kurangnya dapat dikurangkan perbezaan dan perselisihan yang wujud di antara negeri-negeri. Majlis ini ditubuhkan hasil dari persetujuan Majlis Raja-raja di dalam persidangan pada 1hb Julai, 1969.

Tugas dan peranan utama Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam ialah untuk memberi nasihat dan pengesyoran kepada Majlis Raja-raja di atas perkara-perkara yang dirujuk kepadanya, dan untuk dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri-negeri setelah ianya dipersetujui oleh Majlis Raja-raja. Majlis Raja-raja juga telah melantik ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa untuk menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa atas perkara-perkara berkenaan Agama Islam yang dirujuk kepadanya. Pendapat-pendapat Jawatankuasa Fatwa, dan nasihat serta syor-syor Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dikemukakan kepada Majlis Raja-raja untuk persetujuan.

Nasihat dan pengesyoran mengenai perkara penentuan tarikh permulaan puasa dan hari raya puasa adalah satu fatwa yang telah dipersetujui oleh

Majlis Raja-raja, dan mengikut sistem yang ditetapkan pihak berkuasa Agama Islam Negeri-negeri yang menganggotai Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam hendaklah melaksanakan segala nasihat dan pengesyoran yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja.

Segala usaha yang dijalankan oleh Majlis sejak ianya ditubuhkan adalah mengikut bidangkuasa dan tugas yang telah ditetapkan di dalam peraturan Majlis sepertimana yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja. Walau bagaimanapun, bidangkuasanya tidaklah menyentuh perkara-perkara yang menjadi kuasa mutlak Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang menjadi Ketua Agama bagi negeri masing-masing.

Sepertimana yang termaklum, hal-hal Pentadbiran Agama Islam adalah hak mutlak Negeri-negeri dan penyatuan negeri-negeri di dalam Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam adalah secara sukarela. Kerajaan Pusat senantiasa mengharapkan semua negeri menyertainya supaya objektif Majlis dapat dicapai dengan lebih berkesan lagi.

PECAHAN PERATUS PENDUDUK

14. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah penduduk yang bermastautin di Malaysia sekarang dan berikan angka peratus pecahnya mengikut kaum.

Perdana Menteri: Mengikut Banci Penduduk pada tahun 1980 jumlah penduduk di Malaysia ialah seramai

tiga belas perpuluhan tujuh juta orang (13.7). Peratus pecahan penduduk adalah seperti berikut:

Melayu, Pribumi dan Lain-lain Orang Asli	Lima Puluh Lapan Perpuluhan Enam Peratus (58.6%).
Cina	Tiga Puluh Dua Perpuluhan Satu Peratus (32.1%).
India	Lapan Perpuluhan Enam Peratus (8.6%).
Lain-lain Kaum . .	Kosong Perpuluhan Tujuh Peratus (0.7%).

GURU BAHASA IBUNDA

15. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh kelas-kelas bahasa Ibunda dan sama ada Kementeriannya akan:

- (a) merancang satu rancangan untuk melatih lebih ramai lagi guru-guru bahasa ibunda; dan
- (b) menyatukan dan menyerapkan kelas-kelas bahasa ibunda ke dalam jadual waktu harian sekolah dan menjadikan bahasa ibunda sebagai satu mata pelajaran yang diwajibkan; jika ya, bila akan rancangan ini dilaksanakan; jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Soalan ini telah dijawab di Dewan Yang Mulia ini pada 25-6-1983.

GURU-GURU—BAYARAN ELAUN

16. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah terdapat perbezaan dalam layanan yang diberi kepada guru-guru tempatan dan guru-guru

dari Semenanjung Malaysia di Sabah seperti didakwa oleh Kesatuan Perguruan Sabah, dan sama ada tindakan akan diambil untuk membatalkan perbezaan-perbezaan tersebut demi mewujudkan keharmonian di kalangan guru-guru.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Soalan ini adalah terlalu umum. Mungkin, apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah mengenai pembayaran elaun kepada guru-guru dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah di mana guru-guru dari Semenanjung dibayar elaun penempatan khas sementara guru-guru tempatan Sabah dibayar elaun Wilayah sahaja. Jika ini yang dimaksudkan, maka sukalah saya menyatakan di sini bahawa pembayaran itu adalah berdasarkan kepada prinsip untuk meringankan beban masalah yang dihadapi oleh guru-guru dari Semenanjung dari segi perpisahan kekeluargaan dan masyarakat. Pembayaran Elaun Penempatan Khas sebenarnya dibayar kepada semua pegawai-pegawai dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah atau Sarawak termasuklah juga guru-guru. Elaun Penempatan Khas ini juga diberi kepada pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak jika sekiranya pegawai-pegawai dari Sabah atau Sarawak ditempatkan berkhidmat di Semenanjung.

PELAJAR LULUSAN SPM/ STPM

17. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada negara kita mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk menyediakan lepasan-lepasan sekolah berkelulusan SPM dan STPM untuk memainkan peranan yang berguna dalam masyarakat kita memandangkan bilangan lepasan-lepasan sekolah

tersebut bertambah begitu ramai setiap tahun, misalnya pada tahun ini seramai 261,393 belia di antara umur 17 dan 19 telah berjaya mendapat kelulusan SPM dan STPM dan dari jumlah tersebut 206,760 adalah lepasan sekolah SPM dan bakinya adalah pemegang-pemegang STPM tetapi hanya terdapat 19,500 tempat untuk Tingkatan 6 dan kira-kira sebanyak 6,000 tempat sahaja dalam 5 buah universiti tempatan kita. Jika jawapannya ialah tidak, apakah tindakan-tindakan pembetulan telah atau akan diambil atau diperancangkan.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi bagi pelajar-pelajar kita mengikuti pelajaran sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi pelajaran Malaysia (STPM) mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Selepas meninggalkan bangku persekolahan, lepasan-lepasan sekolah kita adalah bebas untuk memasuki alam pekerjaan dan berdasarkan bahawa kasar pengangguran di negara ini hanya 6.2%, maka dapatlah dikatakan bahawa sebilangan besar daripada mereka telah berjaya di bidang masing-masing sama ada dengan memasuki terus bidang pekerjaan yang tertentu atau pun dengan terlebih dahulu memasuki pusat-pusat latihan yang disediakan oleh beberapa Kementerian dan Agensi Kerajaan. Sebilangan daripada mereka pula berjaya melanjutkan pelajaran ke Tingkatan Enam, Ke Maktab-maktab, Politeknik dan seterusnya ke universiti-universiti. Dan memandangkan kepada keadaan ketenteraman dan keamanan yang wujud di negara kita secara keseluruhannya, dapatlah ditarik kesimpulan bahawa belia-belia kita dapat memainkan peranan masing-masing sebagai yang diharapkan.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa adalah tidak mungkin bagi sesebuah negara menyediakan kemudahan pelajaran hingga ke peringkat universiti bagi kesemua atau sebilangan besar pelajar-pelajar sekolah.

DADAH-USAHA MEMERANGI

18. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam usaha memerangi ancaman dadah sejak pelancaran kempen anti dadah peringkat kebangsaan dalam bulan Februari tahun ini.

Perdana Menteri: Sejak kempen anti dadah peringkat kebangsaan dilancarkan pada 19 Februari 1983, kerajaan telah memperhebatkan usaha-usaha memerangi ancaman dadah di seluruh negara dengan berterusan. Setakat ini usaha-usaha kerajaan ini telah memperlihatkan kemajuan dan kesan-kesan positif yang sangat menggalakkan berbanding dengan waktu sebelum kempen ini dilancarkan.

Dalam bidang perundangan dan penguatkuasaan kerajaan telah membuat beberapa pindaan ke atas akta dadah berbahaya 1952 dalam sidang parlimen yang lepas untuk memberatkan lagi hukuman ke atas pengedar-pengedar dadah. Mengikut satu bancian yang telah dibuat oleh Kementerian penerangan adalah didapati bahawa 94 peratus dari sampel responden bersetuju dengan hukuman lebih berat yang dikenakan mengikut pindaan tersebut.

Kejayaan yang membanggakan telah dicapai dalam usaha membentasi pengedaran dadah hasil dari peningkatan langkah-langkah penguatkuasaan. Seramai 119 pengedar telah ditangkap dalam

tempoh bulan Mac hingga Jun ini. Bilangan tangkapan ini merupakan pertambahan 24 peratus berbanding dengan tangkapan bagi tempoh 4 bulan sebelum kempen ini dilancar. Rampasan-rampasan dadah jenis heroin ialah sebanyak 93.642 kilogram, candu mentah 98.394 kilogram dan ganja 188.229 kilogram, masing-masing merupakan 418.3 peratus, 573.7 peratus dan 222.3 peratus rampasan dalam tempoh 4 bulan sebelumnya. Sebanyak 4 buah makmal haram yang menjadi punca bekalan dadah dalam negara telah juga dibongkar.

Kini bekalan dadah adalah sukar didapati dan harganya telah meningkat sejak April ini. Ketulinan dadah yang didapati dalam pasaran juga telah menurun sejak April. Penedar-penedar, penjual-penjual dan juga penagih-penagih telah mula menghilangkan diri untuk mengelak dari tangkapan pihak berkuasa.

Dalam bidang rawatan dan pemulihan pula kerajaan telah menggubal satu undang-undang baru yang dipanggil akta penagih dadah (Rawatan dan pemulihan) 1983, dan memindahkan tanggungjawab mengenai bidang ini kepada kementerian dalam negeri bagi membuktikan keazaman kerajaan untuk membasmi penagihan dadah di negara ini dengan lebih tegas dan bersungguh-sungguh lagi.

Selaras dengan ini sebuah pusat serenti pemulihan dadah telah ditubuhkan pada 18-4-1983 di Pulau Sebang, Melaka dengan keupayaan menampung 1,000 orang penagih pada satu-satu masa. Kini seramai 260 orang penagih telah dimasukkan ke pusat ini menjalani pemulihan yang berasaskan filosofi "Rough and Rugged" dan bukan "rest and

recreation". Muatan maksima pusat-pusat pemulihan Bukit Mertajam, Tampoi dan Besut sebanyak 430 orang penghuni telah ditambah 100 peratus dan Hasil dari Kempen yang meluas seramai 641 orang penagih sedang ditempatkan di ketiga-tiga pusat ini.

Pada peringkat awal kempen anti dadah terdapat hanya 9 buah pusat detoksifikasi dengan muatan sebanyak 240 katil. Pada bulan April ini Kementerian Kesihatan telah menambah bilangan dan keupayaan pusat-pusat ini menjadi 18 buah dengan keupayaan merawat 660 penagih sebulan.

Pelancaran kempen anti dadah peringkat kebangsaan telah diikuti dengan kempen-kempen di setiap negeri dan daerah seluruh negara dengan thema "cegah sebelum parah". Kempen-kempen yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Penerangan ini melalui pamiran-pamiran poster, buku-buku panduan, pertunjukan filem dan filmet melalui televisyen Malaysia adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya dadah.

Berikutan dengan kempen-kempen ini Majlis Keselamatan Negara pada 15-3-1983 telah membuka dan menggerakkan bilik-bilik gerakan anti dadah di peringkat persekutuan dan di peringkat-peringkat negeri. Sambutan orang ramai terhadap bilik-bilik gerakan ini sangat menggalakkan dengan penerimaan sebanyak 3,081 panggilan telefon yang meliputi maklumat mengenai pendedaran dadah dan kes-kes penagih-penagih yang ingin mendapat rawatan dan pemulihan secara sukarela. Banyak di antara maklumat yang diterima telah menghasilkan tangkapan terhadap penedar-penedar dan rampasan berbagai jenis dadah. Ramai ibubapa dan keluarga yang telah menyerahkan sendiri sanak saudara mereka untuk menjalani pemulihan.

Selaras dengan kempen-kempen anjuran kerajaan badan-badan politik dan sukarela seperti wanita umno, pergerakan Pemuda M.C.A. dan M.I.C. dan Peadan juga turut melancarkan kempen anti dadah di peringkat masing-masing bagi menyedar orang ramai tentang bahaya dadah. Kini Kementerian Pelajaran pula telah melancar kempen anti dadah pada 23-7-1983 khusus untuk murid-murid sekolah.

Sebagai sebahagian dari kempen anti dadah, saya sendiri telah mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan wartawan-wartawan semua akhbar tempatan dan wakil-wakil akhbar asing, pertubuhan-pertubuhan termasuk parti-parti politik, pertubuhan agama, belia dan badan-badan sukarela dan ketua-ketua kementerian, jabatan dan badan-badan kerajaan.

Tujuan perjumpaan-perjumpaan ini ialah untuk menggembeling tenaga semua pihak; kerajaan, swasta dan semua lapisan masyarakat umum supaya memberi sumbangan masing-masing ke arah matlamat membasmi ancaman dadah di negara ini. Hasil perjumpaan-perjumpaan ini menunjukkan bahawa keseluruhannya bersetuju dan bersedia memainkan peranan masing-masing ke arah mencapai matlamat ini.

Dari segi pengurusan keseluruhan masalah dadah, kerajaan telah mengistiharkan wabak dadah di negara ini sebagai satu masalah keselamatan dan dengan demikian telah meletakkan tanggungjawab menggerak, merancang, mengarah dan mengawas semua aktiviti berkaitan dengan tindakan anti dadah di bawah majlis keselamatan negara. Sebuah jawatankuasa anti dadah yang dipengerusi oleh saya sendiri telah ditubuh bagi mengganti jawatankuasa kabinet anti dadah yang telah dimansuhkan. Langkah ini bertujuan

melicinkan perjalanan tindakan-tindakan anti dadah di negara ini supaya menjadi lebih terselaras dan berkesan.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

19. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dan yang telah diambil untuk meningkatkan pertukaran mata wang Malaysia di dalam pasaran pertukaran wang antarabangsa dan jumlah kerugian tahunan ke atas mata wang Malaysia dari perdagangan tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semenjak tahun 1975, nilai ringgit adalah ditentukan terhadap sekumpulan matawang negara-negara yang menjadi rakan perdagangan Malaysia yang utama. Kadar pertukaran ini adalah ditentukan oleh pengaruh-pengaruh permintaan dan bekalan. Peranan Bank Negara Malaysia di dalam pasaran pertukaran wang adalah untuk menentukan keadaan yang teratur terdapat di dalam pasaran dan, adalah menjadi dasar Bank Negara Malaysia untuk campurtangan di dalam pasaran, di dalam keadaan-keadaan yang berpatutan untuk mengurangkan turun naik harian di dalam nilai ringgit terhadap sekumpulan rasmi mata wang negara-negara perdagangan Malaysia yang utama. Seperti yang dapat dijangkakan, nilai ringgit pula adalah pada amnya turun naik terhadap mata wang-mata wang antarabangsa yang utama. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, nilai ringgit telah bertambah tegoh terhadap kebanyakan mata wang Eropah dan Yen Jepun tetapi merosot dengan sederhana terhadap dollar Amerika Syarikat. Memandangkan

yang penegohan sederhana dan kestabilan am dalam nilai ringgit telah menggalakkan perdagangan antarabangsa, dan telah mendatangkan faedah kepada negara serta menyerdehanakan kesan inflasi antarabangsa ke atas harga dalam negeri, dengan tidak mendatangkan kerugian yang nyata ke atas ekonomi Malaysia.

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT KAJIAN SEPARUH PENGGAL

20. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kajian separuh penggal rancangan malaysia keempat telah disiapkan. Jika ya, bilakah ianya akan dibentangkan di dewan yang mulia ini. Memandangkan kadar pertumbuhan ekonomi hanya mencapai 3.9% dalam tahun 1982 dan mungkin 4.9% tahun ini, kebanyakan projek-projek di dalam rancangan malaysia keempat tidak akan tercapai. Adakah beliau bercadang untuk membatalkan rancangan ini.

Perdana Menteri: Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat pada masa ini sedang disediakan dan dijangka akan siap pada awal 1984. Dokumen tersebut dijangka akan dapat dikeluarkan pada bukan Mac, 1984.

Sebagaimana yang telah yang Berhormat sedia maklum, pertumbuhan ekonomi yang lembab bagi dua tahun yang disebutkan adalah disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi antarabangsa. Oleh yang demikian kajian separuh penggal yang sedang dijalankan pasti akan mengandungi beberapa penyesuaian dan perubahan yang diperlukan.

Rancangan Malaysia keempat ialah satu daripada rancangan-rancangan pembangunan lima tahun yang

meliputi rancangan-rancangan jangka panjang dasar ekonomi baru yang dilancarkan pada tahun 1970. Tiap-tiap rancangan lima tahun ini ialah bertujuan mengambil kira apa-apa juga faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi yang ditetapkan. Maka berasas kepada yang demikian, apa yang perlu dibuat ialah penyesuaian strategi pelaksanaan dan bukan pembatalan rancangan malaysia keempat.

AKADEMI AL-QURAN

21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan langkah kerajaan mengadakan Tilawatil Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Akademi Al-Quran yang bertujuan membentuk Qari-Qari, Qariah dan Hafiz, terutamanya di kalangan mudi-mudi Islam negara ini. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Awang bin Jabar): Pihak Kerajaan melalui Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan Maahad Tahfiz Al-Quran dengan tujuan untuk melatih muda mudi mendalam Ilmu Al-Quran termasuk menghafal Al-Quran. Ramai di antara penuntut dari Maahad Tahfiz yang telah mengambil bahagian dalam Musabaqah menghafal Al-Quran pada tahun-tahun kebelakangan ini sama ada di dalam negeri atau di luar negeri.

Pada waktu ini Maahad Tahfiz Al-Quran boleh disifatkan sebagai sebuah akademi menghafal Al-Quran dan pihak Kerajaan telah pun mengiktirafkan sijil Maahad Tahfiz sama setaraf dengan diploma ITM.

Selain itu pihak Kerajaan telah pun menyiapkan kajian mengenai penubuhan Darul Quran dan apabila keadaan mengizinkan ianya akan dilaksanakan sesuai dengan hasrat masyarakat Islam di Malaysia. Insya Allah.

PULAU SPRATLY

22. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah bentuk bantahan kita terhadap ke penduduk Pulau Spratly oleh Vietnam;
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menuntut milik Pulau itu; dan
- (c) apakah alasan-alasan Indonesia, Filipina, Vietnam dan Republik Rakyat China untuk menuntut milik Pulau itu.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Soalan Ahli Yang Berhormat adalah berkaitan dengan sebuah pulau yang berasingan yang bernama Pulau Spratly. Jika inilah maksud Ahli Yang Berhormat, ingin saya nyatakan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang tuntutan terhadap pulau itu.

BURUH PERTANIAN LUAR BANDAR

23. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan bahawa kekurangan tenaga-tenaga buruh pertanian di luar bandar pada hari ini adalah disebabkan oleh perpindahan para belia ke bandar-bandar dengan begitu hebat sekali:

- (a) berapa peratuskah penghijrahan para belia ini ke bandar-bandar untuk mencari penghidupan dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru di laksanakan; dan

- (b) sejauh manakah Kementerian dapat mencapai kejayaan dalam usaha meningkatkan Dasar Pertanian Moden di luar bandar kesan dari kekurangan akibat dari penghijrahan para belia tadi.

Tuan Lutat Wan:

- (a) jumlah peratusan penghijrahan para belia ke bandar-bandar untuk mencari penghidupan dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru di laksanakan ialah 10.9% sebagai peratus jumlah penduduk luar bandar.
- (b) sungguhpun terdapat kesan dari kekurangan tenaga akibat dari penghijrahan para belia ke bandar namun Kementerian Pertanian terus berusaha meningkatkan pembangunan pertanian di luar bandar dengan menggalakkan penggunaan teknologi-teknologi moden yang menjimatkan tenaga buruh (labour saving technology) seperti penggunaan jentera-jentera pertanian di kawasan tanaman yang sesuai, penanaman padi secara tabur terus dan pengurusan penanaman padi secara estet.

PENGAMBILAN PELAJAR KE UNIVERSITI

24. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pelajaran memberi angka-angka mengikut perpecahan kaum bagi pengambilan pelajar-pelajar ke dalam kelima-lima universiti tempatan untuk tahun akademik 1983/84 ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Urusan pengambilan pelajar di kelima buah universiti tempatan masih belum lagi selesai sepenuhnya sehingga hari ini kerana pihak universiti masih lagi mengisi tempat-tempat yang

dikosongkan oleh sebilangan calon-calon yang menolak tawaran dan menarik diri. Urusan ini dijangka selesai tidak lama lagi.

RANCANGAN PEMBINAAN TANAH TERBIAR

25. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sejauh manakah kemajuan rancangan pembangunan tanah-tanah terbiar di dalam negara ini mengikut sistem Gerak Kilat seperti yang dilaporkan;
- (b) setakat manakah kerjasama telah dicapai di antara agensi pembangunan tanah Kerajaan seperti RISDA dan FELCRA dengan pejabat-pejabat tanah untuk membangunkan tanah-tanah terbiar yang dikurniakan secara berkelompok (GSA) di mana sebahagiannya telah diberikan Hak Milik dan sebahagian lagi masih belum mampu membayar wang tuntutan "premium" lantaran kerana kemiskinan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Bagi makluman Yang Berhormat Kementerian saya tidak terlibat dengan rancangan pembangunan tanah terbiar mengikut sistem Gerak Kilat. Kegiatan Agensi Kementerian saya dalam membangunkan rancangan tanah terbiar adalah khusus dilaksanakan oleh FELCRA dan RISDA. Kedua-dua agensi ini merancang dan mendapatkan kerjasama daripada beberapa pihak, lebih-lebih lagi Kerajaan Negeri, sebelum memulakan sesebuah rancangan.

Berkenaan dengan setakat manakah Agensi di bawah Kementerian saya telah bekerjasama dengan Pejabat-pejabat Tanah bagi membangunkan tanah terbiar yang diberi secara berkelompok (GSA) amatlah memuaskan. FELCRA sejak ditubuhkan sehingga akhir bulan Mac 1983 telah dapat memulihkan lebih daripada 22,172 hektar dan RISDA pula telah dapat memulihkan seluas 9,510 hektar di bawah rancangan Mini Estetnya, di seluruh Malaysia Barat.

Berkenaan dengan kegiatan membantu pekebun-pekebun Kecil untuk menjelaskan 'premium' tanah kepada Kerajaan Negeri, RISDA sehingga ini telah meminjamkan kepada pekebun Kecil, sejak program ini dimulakan dalam tahun 1979, sejumlah lebih daripada \$2.6 juta.

HOSPITAL DI ESTET/ LOMBONG

26. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Buruh menyatakan:

- (i) apakah tindakan yang telah diambil setakat ini oleh pihak kementerian bagi mengemaskinikan hospital-hospital di Estet dan Lombong.
- (ii) apakah peraturan dan dasar yang dikenakan oleh pihak kementerian ke atas pengurus-pengurus Estet dan Lombong bagi menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan yang secukup bagi pekerja-pekerjanya.
- (iii) adakah pihak Kementerian Buruh bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan, bagi menubuhkan suatu jawatan kuasa yang terkhass yang terdiri dari wakil-wakil kedua kementerian bagi mengkaji serta menganalisa semua

aspek mengenai kedudukan hospital-hospital di Estet dan Lombong di seluruh negara.

Dato' Mak Hon Kam:

- (i) Pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh di bawah Kementerian saya menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan dari masa ke semasa ke atas hospital-hospital di ladang-ladang dan lombong-lombong bagi memastikan bahawa piawaian-piawaian yang ditetapkan dalam Kanun-kanun Buruh yang berkuatkuasa di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia adalah dipatuhi.
- (ii) untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, di bawah Kanun-kanun Buruh yang sedang berkuatkuasa di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab setiap majikan untuk membekalkan perkara-perkara berikut bagi setiap pekerja (labourer) yang digajikan oleh majikan itu di sesebuah ladang atau lombong yang mana ia terikat oleh kontrak atau perjanjian bagi menguntukkan rumah untuk tempat kediaman:
 - (a) kemudahan untuk masuk hospital dan kelengkapan hospital;
 - (b) layanan perubatan dan rawatan termasuk sajian makanan di hospital; dan
 - (c) bekalan perubatan dengan secukupnya dan yang bermutu.
- (iii) Tidak ada jawatankuasa tetap yang ditubuhkan untuk mengkaji dan menganalisa keadaan di hospital-hospital di ladang-ladang dan

lombong-lombong. Walau bagaimanapun jika perlu, Jabatan Buruh ada mendapatkan nasihat pakar mengenai hospital-hospital dan kesihatan daripada Jabatan Kesihatan. Jawatankuasa-jawatankuasa tentang perkara-perkara tertentu boleh ditubuh sekiranya didapati perlu. Di samping itu Kementerian saya juga bekerja rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam pengawasan hospital-hospital yang berkaitan dengan kesihatan di ladang-ladang dan lombong-lombong.

MAJLIS KEBANGSAAN HAL EHWAL UGAMA ISLAM

27. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan tentang peranan utama dan usaha-usaha Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia selama ini dalam usaha menyetu dan menyelaraskan pentadbiran hal ehwal ugama Islam di negara ini dan apakah usaha-usaha yang positif ke arah meletakkan semua negeri dalam suatu majlis tersebut.

(Sila lihat Jawapan soalan No. 13).

PERKHIDMATAN BOMBA SABAH

28. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah pembaikan (improvements) yang dibuat dalam perkhidmatan bomba di Sabah sejak Jabatan Bomba Sabah diambil alih oleh Kerajaan Pusat;
- (b) jumlah kes-kes kebakaran yang berlaku di antara tempoh 1-1-1983 hingga 30-6-1983, jumlah

nilai harta benda yang termusnah, sebab-sebab utama berlakunya kebakaran-kebakaran tersebut dan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kebakaran demi untuk memperlindungi harta-benda dan nyawa manusia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):

A. 1. Sebelum Kerajaan Pusat mengambilalih Perkhidmatan Bomba Sabah pada 1hb Januari, 1982 secara fizikal, terdapat 12 buah Balai Bomba dan 83 buah kereta Bomba dalam keadaan memuaskan.

2. Sejak diambilalih, Kerajaan Pusat telah membelanjakan sejumlah kira-kira satu juta ringgit bagi membeli alat-alat kelengkapan seperti Alat Pemadam Api, Alat Perhubungan VHF, memasang pili-pili bomba baru, membeli sebidang tanah di Tuaran untuk mendirikan balai bomba dan juga memberi peruntukan tambahan bagi menyiapkan rumah kediaman Pegawai-pegawai Bomba di Sembulan, Kota Kinabalu. Perbelanjaan ini tidak termasuk belanja mengurus tahunan yang berjumlah hampir \$5.5 juta setahun.

B. 1. Jumlah nilai harta-benda yang musnah di Negeri Sabah bagi tempoh 1-1-1983 hingga 30-6-1983 adalah sebanyak \$13,348,277.00, manakala nilai harta yang diselamatkan oleh Bomba ialah \$58,270,366.00. Sebab-sebab kebakaran secara

purata dari Januari hingga Mac, 1983 adalah seperti berikut:

1.1 Puntung rokok ..	27%
1.2 Sebab-sebab tidak diketahui	26%
1.3 Merebak daripada api sampah	17%
1.4 Lalang dan sampah dibakar dengan sengaja	13%
1.5 Percikan api, colok, api terdedah, jentera panas, petir, mancis, minyak	9%
1.6 Letrik	4%
1.7 Sengaja dilakukan (arson)	4%

B. 2. Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kejadian kebakaran ialah mempertingkatkan usaha mencegah kebakaran dengan memberi seminar, ceramah-ceramah dan per-tunjukan-pertunjukan mencegah kebakaran kepada orang ramai, termasuk Pengurus-pengurus Firma, murid-murid sekolah, kakitangan-kakitangan Kerajaan di dalam aspek-aspek pencegahan kebakaran. Pamphlet-pamphlet dan pelekat-pelekat mengenai mencegah kebakaran juga telah diedarkan untuk mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pencegahan kebakaran. Jabatan juga bercadang hendak melaksanakan kempen kebakaran yang meluas di masa akan datang. Selain daripada itu juga mengkaji pelan-pelan bangunan baru sebelum bangunan dibina bagi memastikan taraf keselamatan kebakaran.

TARIF LETRIK

29. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa pihak LLN belum lagi menurunkan kadar tarif untuk letrik sedangkan harga minyak telah jatuh dengan dasyatnya sejak tahun lalu, dan mengapakah pihak LLN telah bertindak dengan begitu pantas untuk menaikkan tarif letrik apabila harga minyak naik sementara mengambil masa yang panjang untuk mengurangkan tarif dengan berlakunya kejatuhan harga minyak yang dasyat dan berpanjangan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Adalah diakui bahawa kesan penurunan harga minyak yang berlaku dalam tahun lalu telah pun dirasakan oleh LLN pada masa sekarang. Namun begitu saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini juga LLN sedang berusaha untuk menambahkan lagi keupayaan pembekalan elektrik ke seluruh negeri untuk memastikan bekalan tenaga akan mencukupi bukan saja bagi memenuhi permintaan semasa, bahkan juga permintaan di masa-masa hadapan terutamanya dengan adanya usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri berat di negara ini. Projek-projek besar yang dilaksanakan oleh LLN bagi memenuhi hasrat itu, seperti Stesen Janaelektrik Pelabuhan Kelang Peringkat I dan Peringkat II, Stesen Janaelektrik Paka, Stesen-stesen Janaelektrik Hidro Kenyir di Trengganu, Bersia dan Kenering di Perak, serta juga projek Rangkaian Penghantaran Grid Nasional ke negeri-negeri di Pantai Timor Semenanjung, memerlukan perbelanjaan yang sangat besar. Dalam hal ini LLN tidak boleh semata-mata bergantung kepada peruntukan pinjaman yang diperolehi

dari berbagai pihak, akan tetapi juga perlu menyediakan sebahagian daripada peruntukan tersebut daripada hasilnya sendiri.

Dengan ini LLN perlulah mengambil kesempatan dari penurunan harga minyak ini untuk mengumpul segala lebihan yang diperolehi itu bagi menampung pembiayaan yang diperlukannya itu dan rakyat perlulah memberi sedikit pengorbanan ke arah memenuhi hasrat dan cita-cita yang telah ditetapkan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kadar tarif yang terdapat pada masa sekarang di negara ini tidaklah merupakan yang paling tertinggi di rantau ini. Jika dibuat perbandingan, kadar tarif di negara kita ini bolehlah menyaingi kadar tarif yang terdapat di negara-negara lain di rantau ini seperti Indonesia, Filipina dan lain-lain.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa LLN telah bertindak dengan begitu pantas untuk menaikkan tarif apabila harga minyak telah naik, sukalah saya memaklumkan bahawa kenyataan ini adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak LLN telah mengambil masa selama lebih kurang satu tahun untuk melaksanakan kenaikan tarifnya iaitu pada bulan Disember 1980 yang lalu, walaupun kesan kenaikan harga minyak telah dirasakan oleh LLN sejak awal tahun 1980 lagi. Dalam tempoh tersebut LLN terpaksa menanggung kerugian sebanyak \$280 juta akibat dari kenaikan kos minyak yang berlaku pada masa itu.

SISTEM 'CLOCK IN/ PUNCH CARD'

30. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan adakah sistem 'clock-in/punch card' telah berjaya

meninggikan prestasi Jabatan-jabatan Kerajaan. Jika ya, setakat mana dan adakah beliau sedar bahawa sistem ini telah disalah gunakan oleh sebahagian kakitangan Kerajaan; jika sedar, apakah tindakan positif yang telah diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sejak sistem 'clock in/punch clock' dilaksanakan, kejadian datang lambat ke pejabat atau pulang sebelum waktu sudah berkurangan sekali. Beberapa kajian telah dibuat dalam hal ini dan salah satu darinya menunjukkan bahawa kadar purata kejadian datang lambat dalam seminggu telah jatuh dari 16.5% kepada 3%. Dalam minggu terakhir dari kajian perbandingan selama enam minggu itu, kadar datang lambat jatuh dari 18% kepada 1%. Kehadiran yang lebih baik tentu sahaja membawa kepada penghasilan kerja yang lebih tinggi. Apa lagi di pejabat-pejabat yang memberi layanan terus kepada orang ramai di mana pegawai dan kakitangan harus hadir tepat pada waktu untuk memberikan layanan yang dikehendaki oleh masyarakat. Kelewatan mereka boleh merosakkan imej Kerajaan.

Mengenai penyalahgunaan sistem itu, adalah tanggungjawab Ketua-ketua Pejabat untuk memastikan supaya perkara itu tidak berlaku. Mereka telah diberi nasihat dan amaran sewajarnya. Jika pengawasan yang berkesan tidak dijalankan ini bererti bahawa mereka sendiri telah mengabaikan tugas dan tindakan sewajarnya akan diambil.

LESEN PUKAT TUNDA

31. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pertanian:

(a) menyatakan sama ada beliau telah melaksanakan dasar baru untuk menarik balik lesen-lesen

Pukat Tunda dari Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan dan menyerahkannya kepada pemilik-pemilik bot yang tulin; jika ya, sama ada perlaksanaannya telah berkuatkuasa mulai 1-7-1983; dan

(b) menyatakan faedah-faedah yang akan dinikmati oleh nelayan-nelayan yang berkenaan.

Tuan Luhut Wan:

(a) Lesen-lesen pukat tunda selama ini diberikan kepada Syarikat-syarikat Kerjasama, tetapi mulai 1-1-1984, cara pemberian lesen akan diubah di mana lesen-lesen hanya akan diberi kepada individu-individu tuan punya bot dengan syarat tiap-tiap permohonan itu mestilah di sokong oleh Syarikat-syarikat Kerjasama yang berkenaan, dan mereka mestilah terlebih dahulu menjelaskan hutang-hutang mereka dengan Syarikat Kerjasama tersebut.

Isu ini telah dibincang dan dipersetujui dalam satu perjumpaan di antara pihak Kementerian dan wakil-wakil Syarikat-syarikat Kerjasama Nelayan pada 14-7-1983 dan ketetapan ini tidaklah harus dipersoalkan lagi.

(b) Faedah-faedah yang akan dinikmati adalah seperti berikut:

(i) Tidak perlu lagi menyewa lesen perkakas dan membayar komisen;

(ii) Bebas untuk memilih bagi menjadi ahli Pertubuhan-pertubuhan yang boleh memberi perkhidmatan yang baik; dan

- (iii) Mereka lebih bertanggungjawab dalam operasi menangkap ikan.

TUKARAN BARANG-BARANG

32. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Malaysia telah menjalankan sebarang perdagangan tukaran barang-barang "Barter trading" dengan mana-mana negara khususnya dengan komoditi-komoditi utama kita dan jika ada namakan barangan yang didagangkan dan negara-negara didagangkan dengannya dan jika tidak, kenapa kita tidak menjalankan perdagangan seperti ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Seperti yang telah diumumkan, Kerajaan telah memutuskan supaya Malaysia mengadakan dagangan secara pertukaran barang iaitu "barter trade" atau apa yang lebih dikenali sekarang sebagai "countertrade". Dagangan secara "countertrade" adalah merupakan dagangan tambahan kepada cara dagangan yang diamalkan sekarang dan bukan bertujuan untuk mengantikannya.

Atas usaha Kementerian saya, Malaysia telah pun mengimpot beras dan buah-buahan dari Pakistan. Ini adalah sejajar dengan objektif pelaksanaan dasar "countertrade" negara, di mana selain dari meningkatkan eksportnya. Malaysia perlu juga mengimpot dari negara-negara tertentu untuk menjaga kepentingan Malaysia di pasaran negara-negara ini supaya negara-negara ini terus berkemampuan untuk mengimport dan meningkatkan importan barang-barang Malaysia. Peningkatan dagangan dua hala seperti ini adalah selaras dengan objektif dagangan secara "countertrade".

Setakat ini perundingan-perundingan untuk melaksanakan dagangan secara "countertrade" telah dan sedang dijalankan dengan negara-negara Yugoslavia, India, Brazil dan Korea Selatan. Cadangan-cadangan untuk mengadakan "countertrade" juga telah diterima dari negara-negara Romania, Iran dan Demokratik Republic Rakyat Korea dan cadangan-cadangan ini sedang diteliti. Perbincangan-perbincangan mengenai kemungkinan mengadakan "countertrade" telah diadakan dengan negara-negara seperti Hungary, Russia, Demokratik Republik Jerman dan Argentina.

Dari segi barang-barang Malaysia yang akan dilibatkan dalam "countertrade" inginlah saya memaklumkan bahawa kesemua barang-barang eksport Malaysia sama ada barangan utama atau barang-barang perkilangan akan digunakan. Dalam rundingan-rundingan yang sedang dijalankan setakat ini, "countertrade" yang akan dilaksanakan melibatkan barangan utama Malaysia iaitu minyak mentah (crude petroleum), minyak kelapa sawit (Palm oil), dan getah asli (natural rubber) dan barang-barang perkilangan.

Selain dari negara-negara yang telah saya nyatakan, Malaysia bersedia mengadakan "countertrade" dengan mana-mana negara, di mana ini difikirkan sesuai dan menguntungkan.

Berdasarkan perbincangan-perbincangan yang diadakan di antara Kementerian saya dan syarikat-syarikat Swasta, perdagangan secara "countertrade" tidaklah boleh dijalankan dengan serta merta, kerana ia memerlukan masa, supaya perdagangan secara ini tidak mengakibatkan kerugian kepada Malaysia. "Countertrade" melibatkan

pertukaran barang dan dagangan secara ini boleh dilakukan tetapi tidaklah dengan mudah sahaja. Memandangkan syarikat swasta yang mengambil bahagian dalam "counter-trade" akan menerima barang-barang negara asing sebagai bayaran kepada barang-barang Malaysia yang pertukarkan, syarikat-syarikat Malaysia mestilah pula menjual barang-barang negara asing ini untuk mendapatkan pembayaran secara wang tunai. Dengan ini harga, mutu dan pasaran barang-barang negara asing ini adalah perkara penting yang perlu diteliti terlebih dahulu, supaya tidak timbul keadaan di mana syarikat-syarikat Malaysia tidak dapat memasarkan barang-barang negara asing ini, yang mana akan merugikan syarikat-syarikat swasta Malaysia.

KURIKULUM KBSR

33. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengenal pasti kepada negara secara umum berbagai-bagai masalah yang ditemui dalam melaksanakan kurikulum 3M; dan
- (b) sama ada Kerajaan, memandangkan kepada berbagai-bagai kritikan yang dibuat terhadap kurikulum 3M, bercadang menggantungkan pelaksanaan kurikulum 3M sehingga kajian dan perundingan selanjutnya diadakan dengan guru-guru dan ibubapa-ibubapa di seluruh negara.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Kementerian Pelajaran telah pun mengenal pasti masalah-masalah yang wujud dalam pelaksanaan KBSR. Selepas 1½ tahun percubaan dan enam

bulan pelaksanaan, Kementerian Pelajaran dapat mengesan beberapa masalah tertentu. Masalah-masalah ini pada sebahagian besarnya adalah pada pihak guru yang berpunca dari bebanan kerja yang harus mereka pikul. Dari segi kacamata guru, beban mengajar mereka telah bertambah oleh sebab kurang "free period", bekalan bahan asas terhad, persediaan bahan yang berbagai corak, penyediaan rekod kemajuan murid, kelas yang besar, kurang bimbingan, buku teks lewat sampai, serta juga kekurangan peruntukan kewangan dari yang dijangka akibat dari keadaan kemerosotan ekonomi negara sekarang. Mengikut tanggapan Kementerian Pelajaran tambahan beban itu memang ada tetapi tidaklah berat seperti yang digambarkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran telah bersetuju menambahkan bilangan guru dari 1.2 kepada 1.5 bagi kelas KBSR, dengan itu tanggungan waktu mengajar seseorang guru daripada purata sebanyak 1,200 minit seminggu dikurangkan menjadi di antara 1,000-1,100 minit seminggu. Guru-guru ada dibekalkan dengan bahan-bahan asas termasuk kit pelajaran dan bahan-bahan bacaan, dan pada awal penggal tiga ini adalah diharapkan guru-guru akan dibekalkan dengan lambaran kerja. Cara penyimpanan rekod telah diselaraskan melalui satu buku panduan penilaian supaya guru-guru boleh menjalankan tugas mereka dengan lebih teratur. Dari masa ke semasa pihak Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah memberi bimbingan melalui lawatan-lawatan tambahan dan

bengkel-bengkel serta kursus-kursus. Berkaitan dengan buku teks pula, pihak-pihak yang berkenaan telah memberi jaminan buku-buku teks akan sampai di sekolah pada waktu yang ditentukan.

- (b) Berdasarkan masalah-masalah yang telah dikesan itu Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan yang wajar untuk mengatasinya dan tindakan-tindakan itu telah diselaraskan di seluruh negara oleh Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR peringkat pusat. Bagi masalah-masalah yang timbul di negeri-negeri tertentu, Jawatankuasa Pelaksanaan KBSR peringkat negeri menyelaraskan tindakan yang sewajarnya bagi negeri berkenaan serta menyampaikan laporan tersebut kepada Jawatankuasa Pelaksanaan pusat. Kementerian Pelajaran sama sekali tidak bercadang untuk menggantungkan sistem ini kerana tidak ada bukti yang menunjukkan sistem ini tidak berapa sesuai sebagaimana yang didakwa. Kajian Pendapat Umum yang dijalankan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, dalam bulan Mac 1983 menunjukkan bahawa KBSR adalah mendapat sokongan yang besar daripada orang ramai. Pada keseluruhannya lebih 80% orang ramai berpendapat bahawa KBSR adalah lebih baik untuk anak-anak mereka. Daripada 6,930 orang responden yang ditemusoal, seramai 5,511 telah menyatakan pendapat tersebut iaitu 4,669 bagi Semenanjung Malaysia dan 842 lagi bagi Sabah dan Sarawak.

Ini bermakna KBSR adalah satu rancangan yang sangat sesuai untuk mendidik generasi muda kita ke arah menjadi warganegara yang mempunyai penuh kesediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

DOKTOR WANITA ASING

34. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (i) apakah tindakan yang telah diambil setakat ini oleh pihak Kerajaan untuk menyerapkan doktor-doktor wanita asing yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia ke bidang pekerjaan.
- (ii) berapakah ramaikah doktor-doktor wanita asing yang memajukan permohonan serta menunggu keputusan pihak Kementerian setakat ini.
- (iii) bilakah masaalah mereka ini akan dapat diselesaikan.

Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Ngian):

- (i) Kerajaan memang sedia mempunyai dasar untuk mengambil doktor-doktor wanita asing yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia serta memenuhi kelayakan-kelayakan sebagai Pegawai Perubatan jika mereka layak berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia, atau sebagai Doktor Siswazah iaitu Houseman jika mereka layak berdaftar sementara dengan majlis tersebut dan juga memperolehi Taraf Penduduk Tetap Permohonan-permohonan yang memenuhi syarat-syarat di atas adalah

sentiasa diproses untuk lantikan.

- (ii) Bilangan permohonan yang diterima, yang tidak memenuhi kelayakan-kelayakan perantikan seperti di atas ialah 39. Dari bilangan ini 36 layak berdaftar sementara tetapi tidak mempunyai Taraf Penduduk Tetap dan 3 tidak layak berdaftar sementara kerana Ijazah Perubatan mereka tidak diiktiraf oleh Kerajaan.
- (iii) Kementerian Kesihatan telah mencadangkan mengambil mereka yang layak berdaftar sementara sebagai Doktor Siswazah tanpa menunggu Taraf Penduduk Tetap. Cadangan ini sedang diberi pertimbangan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan.

35. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sebahagian dari Menteri-menteri beliau tidak memahami konsep Persyarikatan Malaysia, jika benar, menyatakan sebab-sebab mengapa, dan menerangkan "rational" di belakang konsep Persyarikat Malaysia yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

(Sila lihat Jawapan Soalan No. 11).

ESSENTIAL (SECURITY CASES) REGULATIONS—MEMBATALKAN

36. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan adakah cadangan untuk membatalkan Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations, 1975. Jika tidak, sila beritahu sebab-sebabnya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa bin Hitam): Kerajaan telah berkali-kali menyatakan di

Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk membatalkan atau memansuhkan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975. Peraturan-peraturan tersebut telah digubal untuk membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman-ancaman yang ditimbulkan oleh anasir-anasir subversif dan komunis militant yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang sah melalui rampasan kuasa dan kekerasan bersenjata.

Sukalah saya tegaskan sekali lagi bahawa Keselamatan negara pada keseluruhannya telah beransur pulih dan terkawal namun begitu ini tidaklah bererti ancaman dari golongan anasir-anasir subversif dan komunis militant ini sudah tiada lagi. Keadaan negara yang aman yang kita nikmati sekarang ini adalah satu-satunya hasil dari perlaksanaan akta dan peraturan-peraturan keselamatan yang ada pada masa ini. Tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan pihak komunis Malaya akan mengubah dasar perjuangan militant mereka.

Ini jelas terbukti dari kejadian-kejadian yang berlaku di beberapa tempat baru-baru ini seperti di Terhong dan Kroh di Perak dan di Titi, Jelevu, Negeri Sembilan di mana anggota keselamatan kita telah terkorban akibat dari kelengkapan mereka.

Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan undang-undang/peraturan keselamatan ini selagi ancaman dari anasir subversif dari komunis ini masih ujud. Kerajaan percaya bahawa rakyat yang cintakan keamanan menyokong sepenuhnya pelaksanaan peraturan-peraturan ini dan sukalah saya meningkatkan bahawa janganlah hendaknya isu-isu

yang melibatkan keselamatan dijadikan alat untuk kepentingan peribadi atau kumpulan tertentu.

KONSEP PENSYARIKATAN MALAYSIA

37. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada dalam melaksanakan konsep Pensyarikatan Malaysia ini, Kerajaan bercadang untuk memansuhkan batasan melarang pedagang-pedagang dari mengimport barang-barang terus menerus oleh mereka dari Negeri China, dan juga mengecualikan pedagang-pedagang ini dari memohon untuk mendapatkan AP atau (permit import).

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Soal sama ada dalam melaksanakan konsep pensyarikatan Malaysia ini, Kerajaan bercadang untuk memansuhkan batasan melarang pedagang-pedagang dari mengimport terus menerus oleh mereka dari Negeri China, tidak timbul kerana pada masa ini Kerajaan tidak mengenakan apa-apa larangan kepada pedagang-pedagang mengimport secara terus dari Negeri China, malah Kerajaan menggalakkan mereka untuk mengimport secara terus dari Negeri China dengan mengenakan sekatan ke atas barang-barang berasal dari Negeri China yang diimport melalui negeri ketiga.

Perlesenan AP ke atas barang-barang berasal dari Negeri China adalah bertujuan untuk meningkatkan Perdagangan secara terus di antara Malaysia dan Negeri China. Lesen-lesen AP hanya dikeluarkan kepada pedagang-pedagang yang mengimport secara terus sahaja kecuali bagi barang-barang yang cepat busuk dan bahan-bahan mentah yang boleh diimport melalui negara ketiga.

PENDATANG HARAM VIETNAM DI PULAU BIDONG

38. Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan sedar penempatan pendatang-pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong menimbulkan sensitiviti dan masalah rakyat setempat, terutamanya nelayan-nelayan dan mereka mahu Pusat Penempatan tersebut diberhentikan segera dan apa-apa perjanjian antarabangsa tentang penggunaan pulau tersebut sebagai pusat penempatan pendatang-pendatang haram dibatalkan.

Perdana Menteri: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah ini bukannya masalah tempatan sahaja, tetapi adalah masalah keselamatan seluruh negara. Pendatang Haram Vietnam di Pulau Bidong adalah dikawal rapi dan tidak menimbulkan sebarang masalah dan ancaman kepada nelayan-nelayan dan rakyat setempat. Pusat ini akan ditutup apabila sahaja semua pendatang haram Vietnam selesai dipindah ke negara-negara ketiga tetapi ini mungkin mengambil masa sedikit.

PENDATANG HARAM VIETNAM—JUMLAH

39. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam di negara ini dalam tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983 dan berapakah jumlah pemindahan mereka ke negara-negara ketiga pada tahun-tahun berkenaan.

Perdana Menteri: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaratan, pemindahan dan baki

pendatang-pendatang haram Vietnam dalam negara bagi tahun 1980, 1981,

1982 dan hingga Jun 1983 adalah seperti berikut:

	<i>Pendaratan</i>	<i>Pemindahan ke Negara Ketiga</i>	<i>Baki</i>
1979			34,885
1980	18,814	41,392	12,307
1981	23,347	25,615	10,039
1982	15,175	16,666	8,548
1983 (hingga Jun) ..	7,270	4,227	11,591

PULAU AMBOYNA CAY— PENCEROBOHAN VIETNAM

40. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar lokasi Pulau Amboyna Cay itu lebih dekat dengan Malaysia daripada Vietnam dan dengan kerana itu Malaysia lebih berhak memilikinya dan jika benar bagaimanakah cara hak milik kepada pulau tersebut dapat diatasi apabila lebih kurang 150 orang tentera Vietnam khabarnya telah menduduki pulau itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Amboyna Cay atau dalam bahasa kita Pulau Kecil Amboyna adalah lebih dekat dengan Malaysia berbanding dengan Vietnam. (Pulau ini terletak kira-kira 200 batu nautika dari Sabah tetapi 313 batu nautika dari Vietnam). Hak Malaysia terhadap Pulau Kecil Amboyna adalah berasaskan kedaulatan kita di atas pulau itu sendiri. Dengan itu Pulau Kecil Amboyna adalah menjadi sebahagian dari Wilayah Malaysia sejak dahulu lagi. Kita telah membuat bantahan diplomatik kepada Vietnam terhadap pendudukan tenteranya di Pulau Kecil Amboyna yang merupakan pencerobohan Vietnam terhadap wilayah kita. Adalah menjadi hasrat kita untuk

menyelesaikan soal pendudukan tentera Vietnam di Pulau Kecil Amboyna itu secara aman melalui perundingan. Vietnam juga telah menyatakan kepada kita hasrat yang sama untuk menyelesaikan isu ini melalui perundingan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980 dan bagi membuat peruntukan mengenai pindaan-pindaan berbangkit yang

dikehendaki dibuat kepada undang-undang bertulis yang lain; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG- UNDANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PATEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (25hb Julai, 1983).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat dari Batu Pahat menyambung ucapannya.

3.39 ptg.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya perkatakan semalam di dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Singapura baru-baru ini, ada cadangan untuk membawa perindustrian-perindustrian daripada Singapura ke negara kita yang mana perindustrian ini kemungkinan tidak boleh lagi dijayakan di Singapura

disebabkan oleh keadaan pencapaian perindustrian moden yang begitu meningkat di Singapura yang menyebabkan mereka terpaksa memindahkan industri-industri yang boleh dikatakan "first-stage industry" ataupun "first-generation industry" ini ke negara kita. Kemungkinan negara kita boleh setakat ini menerima pemindahan industri-industri ini ke negara kita tetapi hanyalah pada pendapat saya untuk buat sementara waktu kerana kita tidak redha negara kita menjadi hanya sebagai negara yang boleh menyediakan industri-industri awalan-awalan atau "first-stage industry" tetapi tidak berkemampuan untuk mengadakan industri-industri moden yang penuh dengan pendekatan-pendekatan yang membolehkan mendapat gaji-gaji yang lumayan untuk pekerja-pekerja mereka.

Di dalam hal ini tentulah negara kita berkehendakkan kepada mereka yang mempunyai pengalaman-pengalaman serta pengetahuan-pengetahuan untuk menjayakan untuk meningkatkan industri moden ini kerana pada masa itu kelak tentulah mesin-mesin yang moden, perkakas-perkakas yang moden yang sophisticated yang hanya boleh digunakan oleh mereka yang mempunyai kemampuan untuk menjalankan tugas mereka.

Dalam perkara ini saya sukalah mencadangkan kepada pihak HICOM supaya mengadakan satu galakan kepada penduduk rakyat Malaysia untuk bertanding mengadakan ciptaan-ciptaan baru yang boleh pula diberi hadiah ala Nobel, ala Malaysia yang mana dengan ini lebih ramai lagi akan berminat untuk melibatkan diri membuat ciptaan-ciptaan baru supaya bolehlah negara ini berbangga dengan perkakas-perkakas baru yang mana dicipta oleh rakyat negara ini sendiri.

Dalam perkara ini tentulah Rang Undang-undang yang dibahaskan pada hari ini boleh memberi jaminan kepada mereka yang telah berjaya mencipta untuk menentukan supaya keuntungan daripada hasil ciptaan mereka itu dapat dikekalkan. Kerana saya ingat Allahyarham P. Ramli adalah manusia yang begitu kreatif yang telah banyak mencipta lagu-lagu yang mana banyak ciptaan-ciptaan beliau itu telah dirompak, telah disalin, dicetak rompak dengan menyebabkan waris-waris beliau tidak mendapat keuntungan daripada hasil ciptaan beliau itu. Ini ialah dengan sebab kelemahan-kelemahan yang ada di dalam menjaga atau menentukan supaya pengawalan yang cekap diadakan untuk menentukan supaya cetak rompak ini tidak berleluasa.

Dalam perkara ini sukalah saya mencadangkan supaya untuk menentukan mereka yang telah mencetak rompak ini ditangkap untuk mendapatkan maklumat maka terpaksa Kerajaan mengadakan satu hadiah untuk mendapat maklumat untuk menangkap mereka yang terlibat dalam cetak rompak, kerana untuk mendapat sesuatu itu tentulah berkehendakkan kepada sesuatu ganjaran atau hadiah. Kita percaya kalau dunia boleh bermegah dengan Marconi, Stevenson, Bell dan Honda yang hanya telah menjayakan dengan udara, air dan bunyian, apakah tidak mungkin negara kita yang kaya dengan bahan-bahan mentah, dengan bahan-bahan bumi yang mana dengan perkara ini boleh pula dijadikan asas untuk mencipta barang-barang baru. Maka hanya dengan galakan seperti yang diadakan oleh Kementerian Pelajaran melalui televisen pendidikan, saintis muda dan sebagainya yang mana saya sukalah memberi tahniah galakan-galakan seperti ini hendaklah diteruskan supaya murid-murid sekolah, penuntut-penuntut institut tinggi,

universiti dan kolej boleh mempelopori ciptaan-ciptaan baru yang mana boleh pula digunakan untuk kepentingan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan supaya negara kita berupaya menjaga hak ciptak rompak ini boleh dilaksanakan di negara kita, saya mencadangkan juga supaya negara kita memasuki untuk menjadi ahli kepada Confederation of International Patents supaya dapatlah langkah-langkah bersiap sedia untuk menentukan hak ciptak rompak ini tidak boleh berleluasa di negara kita. Sekian, terima kasih.

3.45 ptg.

Dr George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai rakan-rakan saya dalam perbahasan Rang Undang-undang Paten yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana telah berjaya menggubalkan Rang Undang-undang Paten. Sebagaimana Timbalan Menteri berkenaan telah memaklumkan bahawa satu kajian menyeluruh telah pun dibuat dengan Undang-undang Paten di Australia, Jepun, United Kingdom, Sri Lanka dan Thailand, sebelum Rang Undang-undang yang kita sedang membahaskan digubalkan. Ini membuktikan dengan jelasnya bahawa Rang Undang-undang Paten yang dikemukakan dalam Dewan hari ini adalah lebih kemaskini, lengkap dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah tidak dapat dinafikan bahawa Rang Undang-undang Paten adalah sangat penting bagi meningkatkan lagi taraf kemajuan negara kita. Dengan adanya

Rang Undang-undang itu kita akan mengadakan satu set Undang-undang Paten yang uniform atau sama yang digunakan untuk seluruh negara kita. Pada ketika ini kita masih ada tiga Ordinan yang berlainan berhubung dengan hak-hak paten iaitu Ordinan Pendaftaran Paten United Kingdom 1951; Ordinan Paten bagi Sarawak; Ordinan Pendaftaran United Kingdom bagi Sabah dan Akta Paten (Hak-hak Kerajaan) 1967.

Keadaan begini memanglah tidak memuaskan. Jadi tindakan yang akan diambil untuk memansuhkan ketiga-tiga Ordinan dengan satu set undang-undang yang baru adalah satu langkah raksaksa ke hadapan ataupun, dengan izin, 'a giant step forward' untuk memberi perlindungan yang memadai kepada segala urusan berhubung dengan hak-hak paten dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pembangunan perindustrian di negara kita yang semakin hari semakin pesat dan juga konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan baru yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini mengenai "Malaysia Incorporated" dan "privatisation", saya berpendapat bahawa sudah tiba masanya untuk memberi segala galakan dan insentif bagi para pencipta, para Saintis dan "intellectuals" untuk mempergiatkan lagi kerja-kerja rekacipta mereka. Oleh yang demikian, adalah perlu kita mengadakan satu undang-undang yang mengandungi peruntukan-peruntukan bukan sahaja memberi segala perlindungan yang sewajarnya tetapi juga mempunyai unsur-unsur insentif dan motivasi bagi para pencipta. Misalnya para pencipta dalam negara kita harus diberi cuti cukai atau "tax holidays" bagi pendapatan dari hasil rekaan mereka bagi tempoh pertama tiga tahun. Insentif dan galakan yang lain, misalnya, memberi hadiah-hadiah

kepada pencipta-pencipta terkenal dalam bidang-bidang tertentu seperti perubatan, kejuruteraan, pertanian dan sebagainya harus juga diadakan. Saya suka mencadangkan bahawa tiap-tiap tahun satu hadiah istimewa misalnya hadiah wang sebanyak \$50,000 harus diberi kepada sesiapa yang terpilih menjadi inventor of the year.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang Paten ini hak rekacipta pencipta kita akan mendapat perlindungan yang memadai dalam negara kita tetapi soalnya sekarang ialah adakah rekaan pencipta-pencipta. Kita akan mendapat pengiktirafan dan perlindungan hak rekacipta mereka di peringkat antarabangsa. Pada pandangan saya langkah-langkah positif harus diambil untuk mendapat pengiktirafan hak-hak paten kita di peringkat antarabangsa, misalnya, oleh Biro Antarabangsa bagi Pertubuhan Hakcipta Intellectual Sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa menurut BAHAGIAN XV, Seksyen 85 Rang Undang-undang Paten, Pendaftar adalah berhak untuk enggan memberi suatu paten bagi keluaran-keluaran atau proses-proses yang dijadualkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini jika Pendaftar mendapati bahawa pemberian sesuatu paten itu akan memudarat kepentingan dan keselamatan negara. Peruntukan ini terlalu "general". Saya berpendapat bahawa istilah-istilah memudaratkan kepentingan atau keselamatan negara harus diberi definasi yang spesifik dan jelas supaya mudah ditafsirkan. Ini akan membantu Pendaftar Paten menjalankan tugasnya dengan lebih licin. Adalah lebih elok sekiranya suatu jadual menunjukkan rekaan-rekaan yang akan didaftarkan sebagai

rekaan yang akan memudaratkan kepentingan atau keselamatan negara diadakan dalam Rang Undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, di sini saya ingin menyatakan bahawa saya bersungguh-sungguh menyokong Rang Undang-undang Paten yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

3.53 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan turut menyokong penuh Rang Undang-undang Paten 1983 berdasarkan:

(1) Kerana ianya menggantikan Rang Undang-undang yang digunakan sekarang yang berpusat di Britain iaitu dengan izin. Registration of United Kingdom Patents Act 1951 (Revised) 1978 untuk Semenanjung Malaysia.

(2) Kerana ianya menyatukan ketiga-tiga Rang Undang-undang yang telah saya sebutkan tadi dan juga termasuk Registration of United Kingdom Ordinance (Chapter 125) untuk Sabah dan Registration of United Kingdom Patents Ordinance (Chapter 61) untuk Sarawak.

(3) Berdasarkan ianya akan memberi galakan bagi rekacipta baru dan perlindungan terhadap rekacipta-rekacipta tersebut.

Dalam BAHAGIAN II di mana disebutkan mengenai penubuhan Lembaga Paten, saya mengalu-alukan penubuhan Lembaga Paten ini dan berharap dalam peralihan yang akan dibuat kelak oleh Yang Berhormat

Menteri yang berkenaan akan membuat pilihan-pilihan yang tepat dari segi kepakarannya, minat orang yang dipilih itu dedikasinya, mereka juga akan sanggup dan yang tidak terlalu sibuk supaya dapat memberi tumpuan masa sepenuhnya serta secukupnya bagi melaksanakan tugas yang penting ini.

Saya ingin menyarankan supaya ahli Lembaga Paten BAHAGIAN II dalam Seksyen 2 (g) iaitu dari institusi-institusi pengajian tinggi tidak dihadkan kepada seorang sahaja kerana negara kita telah mempunyai beberapa institusi pengajian tinggi dan masing-masing ada membuat ujian-ujian dan kajian-kajian dalam berbagai bidang serta mempunyai kepakaran-kepakaran dalam bidang masing-masing.

Mengikut Seksyen 4 (3) dalam BAHAGIAN II, Ahli-ahli Lembaga Paten selepas tempoh dua tahun boleh dilantik semula. Di sini saya sukalah memberi ingat kepada Yang Berhormat Menteri iaitu mengambil kira rekod-rekod perkhidmatan ahli-ahli berkenaan. Kalau dia selalu tidak hadir ini bererti dia tidak atau dia kurang berminat maka bolehlah diberi peluang kepada orang lain. Sekiranya rekod perkhidmatannya itu baik maka bolehlah dilanjutkan tempohnya. Saya bersetuju dengan adanya peruntukan anggota silih ganti bagi ahli-ahli Lembaga Paten dari golongan ataupun kumpulan yang sama atau mewakili kepentingan yang sama. Selain dari ianya dapat menggantikan anggota yang tidak dapat hadir supaya mesyuarat atau kerja-kerja tidak tergendala ianya akan dapat menambah kepakaran dan pendapat serta pandangan-pandangan yang mustahak dan berfaedah bagi Lembaga menjalankan tugasnya.

BAHAGIAN III yang bersabit dengan pentadbiran mengenai Pejabat Pendaftaran Paten yang menjadi

Pejabat Pendaftaran dan juga sekretariat Lembaga Paten ini ianya hendaklah dilengkapi dengan kakitangan-kakitangan serta kemudahan-kemudahan yang cukup janglah keadaan kemelesetan ekonomi pada masa ini dijadikan alasan ketidak-upayaan Kerajaan memenuhi perjawatannya.

Dalam BAHAGIAN IV iaitu kebolehpatenan. Rang Undang-undang Paten 1983 yang membolehkan sesuatu rekabentuk yang baru boleh dipatenkan yang memberi hak-hak kepada pereka cipta adalah menggalakkan pakar-pakar di negara ini dan menambahkan minat serta menambahkan seriusnya mereka dalam usaha merekacipta teknologi dan perkara-perkara yang baru yang kemudiannya boleh digunakan untuk kepentingan awam. Satu perkara yang saya kurang setuju ialah Seksyen II dalam BAHAGIAN IV yang berbunyi "sesuatu rekacipta boleh dipaten jika ianya baru, melibatkan langkah merekacipta dan boleh digunakan untuk perindustrian." Yang saya kurang setuju ialah hanya menghadkan kepada perkataan "perindustrian". Saya sukalah mengesyorkan ditambah dengan perkataan "perindustrian dan kemajuan", kerana pada pendapat saya rekacipta boleh dilakukan dalam berbagai-bagai bidang. Di Malaysia ini misalnya bidang pertanian adalah bidang yang luas serta melibatkan besar bilangan rakyat kita. Dan kita ketahui juga bahawa dalam bidang pertanian banyak dibuat penyelidikan yang menghasilkan sesuatu benda yang baru atau proses yang baru yang berasaskan ilham dan rekabentuk serta pemikiran seseorang.

Dalam bahagian yang sama ada disebut dalam Seksyen 12 iaitu sesuatu rekacipta ertinya sesuatu ilham daripada seseorang perekacipta yang

membenarkan pada amalannya penyelesaian sesuatu masalah tertentu dalam bidang teknologi. Bahagian (2) dalam seksyen yang sama mengatakan sesuatu rekacipta mungkin atau boleh dikaitkan dengan sesuatu keluaran atau proses. Tetapi Seksyen 13 yang selepasnya iaitu yang berkaitan dengan perkara rekacipta yang tidak boleh dipaten berbunyi: "walaupun hakikatnya bahawa ianya adalah rekacipta dalam erti seksyen 12, yang berikut ini tidaklah boleh dipaten: (a) penemuan, teori-teori saintifik dan kaedah-kaedah matematik".

Pada pandangan saya dan anggapan saya bahawa itu adalah satu rekacipta kerana ianya mesti berasaskan ilham, sekiranya tidak ada ilham dan tidak ada pemikiran dan kepakaran maka penemuan dan tiori-tiori dan juga kaedah-kaedah yang baik itu tidak akan timbul.

"(b) berbagai jenis tumbuhan atau binatang atau proses biologi yang perlu bagi pengeluaran tumbuhan atau binatang, selain dari mikro-organisma hidup buatan manusia, proses mikrobiologi dan keluaran proses mikro-organisma itu;"

Ini juga saya rasa mesti kita berikan pengiktirafan kerana pengeluaran tumbuh-tumbuhan dan haiwan adalah juga boleh dianggap sebagai industri dalam pertanian dan kita tahu bahawa banyak usaha-usaha yang dilakukan dalam bidang tumbuhan-tumbuhan dan binatang ataupun haiwan ini kerana adanya membaikbiak berbagai jenis hidup-hidupan dan juga membaikbiak, mengkahwinkan tumbuh-tumbuhan yang boleh dapat menghasilkan pengeluaran yang baik. Berapa banyak jenis padi juga telah dapat dihasilkan di negara kita ini sehingga menaikkan lagi pengeluaran di negara

kita. Oleh kerana itu saya rasa tidak wajarlah kalau ini dianggap tidak boleh diberikan paten.

“(b) skim, kaedah atau cara untuk menjalankan perniagaan, melakukan perbuatan-perbuatan mental semata-mata atau bermain apa-apa permainan;”

Mungkin di sini adalah kebenarannya kerana kalau ianya hanya semata-mata permainan tidaklah perlu dipatenkan tetapi kalau kaedah atau cara itu atau suatu cara yang boleh dapat menaikkan lagi hasil pengeluaran sesuatu perniagaan mungkin ianya boleh diberikan pertimbangan.

“(d) cara untuk merawat tubuh manusia atau binatang melalui pembedahan atau terapi, dan cara diagnosis yang dilakukan ke atas tubuh manusia atau binatang;”

Di sini saya rasa mensabitkan perkara-perkara rawatan tradisional di mana kita tahu di negara kita ini terdapat perubatan dan rawatan cara tradisional dari kalangan kita orang bangsa Cina iaitu sinseh dan juga bomoh-bomoh, pawang-pawang dari orang Melayu banyak telah membuktikan bahawa mereka itu boleh merawat tubuh dan juga menjalankan terapi, kemungkinannya saya rasa kalau kita berikan sedikit kemudahan kepada golongan itu dapatlah khidmat-khidmat mereka ini diperluaskan lagi dan ubatan-ubatan mereka itu dipatenkan dapat ianya memberi faedah kepada masyarakat seluruhnya.

Dalam Seksyen yang sama iaitu Seksyen 13 (2) ada diberikan sedikit kelonggaran iaitu:

“(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika sekiranya terdapat keraguan tentang sama ada

barang-barang yang ditetapkan dalamnya adalah boleh dipaten atau tidak, Pendaftar boleh merujukkan perkara itu kepada Pemeriksa untuk menanyakan pendapat dan selepas itu Pendaftar hendaklah memberi suatu keputusan tentang sama ada untuk memasukkan atau mengeluarkan barang berkenaan sebagai boleh dipaten, mengikut mana yang berkenaan.”

Saya harap pihak Pendaftar dan juga pihak Pemeriksa ini tidaklah terlalu berpegang sangat kepada perubatan secara moden sehingga perkara-perkara yang saya sebutkan tadi tidak diberi peluang-peluang langsung.

Dalam Bahagian V iaitu hak-hak kepada suatu paten ini terdapat satu perkara mengenai pekerja. Bagi pekerja yang memang kerjanya menjalankan kajian untuk sesuatu badan atau institusi dan telah juga memang dimasukkan dalam kontraknya maka saya rasa ini tidak menimbulkan masalah. Tetapi bagaimana kedudukan pekerja-pekerja yang memang tidak ada kontak mengenai kajian-kajian di dalam pekerjaannya ataupun kerana adanya kemudahan di tempat pekerjaannya beliau itu dapat ilham dan dapat mencipta sesuatu dengan menggunakan kemudahan di tempat pekerjaannya maka saya rasa golongan ini patut diberi hak bersama dengan majikannya mengenai paten sesuatu rekacipta yang telah dibuatnya.

Saya menyokong penuh cadangan Yang Berhormat daripada Batu Pahat mengenai memberikan hadiah ala hadiah nobel kepada perekacipta di Malaysia ini, kerana kalau kita boleh mengiktiraf para sastrawan kita

dengan menyampaikan hadiah-hadiah sastra pada tiap-tiap tahun maka saya rasa golongan perekacipta ini juga mesti diberikan pengiktirafan.

Satu perkara hasil daripada rekacipta ialah rompakcipta iaitu di seluruh dunia ini kita tahu manusia ini kalau meniru memang pandai. Kalau hendak memulakan sesuatu hendak dapat ilham memang payah, jadi begitu ramai yang boleh mengambil kesempatan dengan rompakcipta meniru ciptaan-ciptaan rekacipta orang lain dan mendapat keuntungan yang begitu banyak, walaupun rekacipta itu telah dipatenkan misalnya seperti nama-nama yang terkenal ciptaan-ciptaan yang terkenal di dunia boleh didapati di merata-merata pasar malam. Begitu juga kalau kita tidak benar-benar menggunakan pelaksanaan penguatkuasaan yang termaktub dalam Rang Undang-undang ini mungkin kita akan dapati meluas lagi rompakcipta ini dilakukan di dalam pengeluaran barang-barang yang telah direkacipta ini kerana sekarang ini pun banyak daripada pengguna-pengguna telah terpedaya dan tertipu dengan barang-barang yang digunakan pada tiap-tiap hari di mana banyak di antaranya adalah barang-barang tiruan iaitu dirompakcipta daripada paten-paten yang sudah ditentukan.

Jadi, saya berharap sangat-sangatlah dengan adanya Rang Undang-undang Paten yang lengkap dengan peruntukannya, hak kepunyaannya dengan penguatkuasaannya. Pelesenan dan sebagainya kita akan dapat menyelesaikan masalah rompakcipta dan memberikan faedah kepada rakyat keseluruhannya serta memberikan pengiktirafan kepada mereka yang mendapat ilham merekacipta perkara-perkara yang baharu dan barang-barang yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

4.08 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahar Rang Undang-undang Paten yang baharu ini. Seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Rang Undang-undang ini merupakan suatu Rang Undang-undang yang sangat penting kerana ianya akan mendorong para pencipta di negara kita ini dan dengan itu mendorong pembangunan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin mengemukakan beberapa ulasan dan juga untuk meminta penjelasan mengenai satu dua perkara yang bersangkutan paut dengan pelaksanaan. Sebagai permulaan, saya merujuk kepada Fasal 10 iaitu mengenai Perkhidmatan maklumat paten dan juga perkhidmatan penilaian paten. Pada pendapat saya, perkhidmatan maklumat ini amat penting kerana sekiranya tidak dikutip maklumat yang selengkap mungkin akan berlaku sesuatu yang tidak diinginkan iaitu para Pendaftar dan juga pegawai-pegawainya yang dalam proses menentukan sama ada sesuatu boleh dipatenkan atau tidak akan bergantung kepada perkhidmatan maklumat ini. Dan juga apa yang mungkin mengelirukan ialah definisi ciptaan seni terdahulu ataupun 'prior art' dalam Fasal 14 (2) iaitu seolah-olah mengandungi semua iaitu segala yang dizahirkan kepada awam di mana juga dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan saya ialah sekiranya kita tidak dapat mengutip maklumat yang selengkap mungkin, maka sesuatu yang mungkin dapat dipatenkan itu akan ditolak dan tidak dipatenkan.

Yang kedua mengenai perkhidmatan penilaian paten. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya proses penilaian ini mestilah cekap, licin dan berkesan. Kalau tidak, maka mungkin akan menjadikan satu proses yang sangat panjang dan mungkin satu proses yang akan menghadkan dan bukan mendorong penciptaan, iaitu akan menjadi, dengan izin, terlalu "restrictive". Di sebaliknya sekiranya proses ini tidak dijalankan dengan sesuainya, maka akan berlaku kelonggaran yang akan mengakibatkan penilaian sewenang-wenang yang menjadikan paten Malaysia atau paten yang dipatenkan di Malaysia ini tidak bernilai ataupun tidak dihormati di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin merujuk kepada Fasal 13 (2) mengenai keboleh patenan. Pada pendapat saya seperti yang telah disuarakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, iaitu mengenai 13 (1) (c), 'skim kaedah atau cara untuk menjalankan perniagaan, melakukan perbuatan-perbuatan mental semata-mata ataupun bermain apa-apa permainan'. Kesemua ini mengikut Rang Undang-undang ini tidak dapat dipatenkan atau tidak boleh dipatenkan. Pada Pendapat saya ini mungkin terlalu menghadkan kerana baru-baru ini dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah timbullah permainan-permainan pendidikan (educational games) yang terutamanya direkabentuk ataupun dicipta oleh programmer komputer, iaitu "Computer software" yang membolehkan kanak-kanak dan juga orang dewasa untuk main permainan-permainan mental yang mempunyai nilai pendidikan dan "software" seumpama ini di negara-negara yang lain akan dipatenkan dan boleh dipatenkan. Akan tetapi, kalau mengikut definasi yang sedia ada, maka software seumpama ini merupakan skim ataupun kaedah

ataupun cara untuk perbuatan-perbuatan mental sahaja yang tidak boleh dipatenkan. Maka saya berharap bahawa pihak Kementerian akan memberi definasi ataupun pentafsiran yang lebih jelas mengenai perkara ini.

Selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Fasal 30 mengenai syarat-syarat dan juga pemeriksaan substantive, khasnya saya merujuk Fasal 36, iaitu "Pendaftar boleh mengenyepikan kehendak bagi merujukkan sesuatu permohonan bagi pemeriksaan substantive di bawah seksyen ini sebagaimana yang difikirkannya patut". Tuan Yang di-Pertua, ini bermaksud bahawa seorang Pendaftar ataupun Penolongnya boleh mengecualikan sesuatu permohonan itu daripada diperiksa sekiranya dianggap perlu ataupun sekiranya dianggap sesuai. Maka ini bermaksud bahawa seseorang pegawai itu yang membuat keputusan haruslah mempunyai kepakaran hampir-hampir dalam semua bidang, sekiranya tidak, maka mungkin akan berlaku salahguna kuasa yang tertentu di mana sesuatu yang harus diperiksa itu dikecualikan daripada diperiksa, maka paten ini mungkin akan diberi dengan sewenang-wenangnya. Saya berharap bahawa dari segi perlantikan pegawai-pegawai yang berkenaan, pihak Kementerian akan mengambil perhatian untuk memilih dan melantik mereka yang benar-benar mempunyai kepakaran. Sekiranya tidak, maka mereka yang dilantik itu harus diberi latihan di luar negeri dalam bidang-bidang yang berkenaan supaya mereka dapat membuat keputusan yang menasabah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 84, pada muka surat 47 yang telah menimbulkan kekeliruan sedikit kepada saya, iaitu

mengenai hak-hak Kerajaan. Dalam fasal 84 ini ada dikatakan bahawa 'walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, maka Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan mana-mana Negeri sesuatu Kementerian ataupun Jabatan Kerajaan atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kerajaan, Kementerian atau Jabatan Kerajaan itu boleh membuat, memakai dan menggunakan apa-apa rekacipta yang didaftar atau yang baginya keistimewaan-keistimewaan exclusive telah diberi menurut peruntukan-peruntukan Akta ini'. Adakah ini bermaksud bahawa sesebuah syarikat perusahaan awam di bawah sesuatu Kementerian misalnya boleh dan juga mempunyai hak untuk menggunakan sesuatu rekacipta itu? Adakah ini telah melanggar peruntukan perlindungan yang diberi oleh Akta ini di mana penciptanya sekiranya diberi satu arahan oleh pihak Kementerian haruslah memberi kuasa kepada pihak Kementerian ataupun mana-mana Jabatan Kerajaan untuk menggunakan rekaciptanya. Maka saya meminta penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan supaya Rang Undang-undang ini dengan sebenar-benarnya melindungi para pencipta dan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak, termasuk pihak Kerajaan sendiri.

Akhirnya saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini dan saya berharap bahawa bukanlah sahaja para pencipta akan diberi perlindungan tetapi dengan secara tidak langsungnya para pengguna di negara ini juga akan diberi perlindungan oleh Rang Undang-undang ini. Sekian sahaja, terima kasih.

4.18 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong

Rang Undang-undang Paten 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di Dewan ini semalam.

Dengan berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini nanti akan wujudlah sebuah Lembaga dan juga jentera pentadbiran paten di negara ini, di samping memberikan hak-hak dan perlindungan-perindungan terhadap rekacipta-rekacipta dan perekacipta-perekacipta perindustrian di negara kita. Langkah ini tidak syak lagi akan memberikan banyak faedah dan manfaat, bukan sahaja kepada rakyat Malaysia yang bersifat inventive tetapi juga kepada negara Malaysia sendiri. Langkah ini juga akan mengakhiri satu lagi aspek penggantungan kita kepada undang-undang, kemudahan-kemudahan dan pemakaian institusi-institusi negara-negara asing dan dengan itu mewujudkan perkhidmatan dalam negara kita sendiri bagi memenuhi berbagai keperluan rakyat yang bertambah maju dan sophisticated pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pentingnya kita mempunyai suatu Akta Paten sendiri adalah berasaskan kepada keperluan kesediaan dan kemampuan rakyat dan negara ini untuk memasuki gerbang kemajuan perindustrian dan melangkah lebih jauh ke alam teknologi. Rakyat di negara kita sebenarnya telah bersedia dan mampu untuk membuktikan kita sebagai satu bangsa yang boleh bersama-sama menyumbang ke arah kemajuan teknologi dunia dan lebih-lebih lagi bagi memenuhi keperluan-keperluan kita sendiri. Ini adalah berdasarkan kepada kemajuan dan pengalaman yang telah kita capai dan perolehi selama ini di dalam pelbagai bidang dan peringkat perindustrian dan juga kemajuan pengajian dan ilmu pengetahuan kejuruteraan dan sains

serta penubuhan pelbagai pusat-pusat penyelidikan teknologi, saintifik dan perindustrian. Sesungguhnya pada saya sehingga ini kita telah dapat beberapa banyak penemuan-penemuan method, alat-alat pemerosesan dan jentera-jentera baru yang diusahakan oleh orang-orang perseorangan, pusat-pusat penyelidikan dan lain-lain di negara ini.

Saya juga beranggapan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Akta Paten ini nanti akan dapat menyumbangkan ke arah menjadikan bangsa Malaysia sebagai satu bangsa yang besar, dihormati dan disegani oleh kerana untuk menjadi suatu bangsa yang besar, dihormati dan disegani, kita perlu menjadi bangsa yang dapat menghasilkan idea-idea dan menyumbangkan kemajuan kepada masyarakat dunia dan kebajikan manusia seluruhnya. Penghormatan terhadap bangsa Malaysia sebagaimana yang kita hajatkan oleh lain-lain bangsa dunia tidak mungkin diperolehi dengan percuma tanpa sumbangan positif dan berfaedah kita kepada kemajuan dan kebajikan manusia sejagat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kita telah lama menjadi bangsa pengguna (consumer nation) kepada teknologi dan rekacipta-rekacipta bangsa-bangsa asing. Matlamat kita sekarang hendaklah untuk menjadikan kita sebagai satu bangsa originator dan pembekal teknologi dan rekacipta-rekacipta untuk kegunaan bangsa-bangsa lain juga. Pemakaian teknologi asing di negara ini juga telah menimbulkan pelbagai masalah-masalah dan mendatangkan kerugian-kerugian seperti pembelian teknologi dan jentera-jentera lapuk (outdated technology) yang tidak sesuai, masalah-masalah dan kos yang kita

tanggung bagi pembelajaran dan pemindahan teknologi asing kepada rakyat tempatan dan lain-lain. Dengan itu Akta Paten ini pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya boleh membangkitkan kesedaran yang lebih besar dan peluang serta kesempatan yang lebih baik kepada rakyat negara ini untuk kita menjadi satu bangsa pencipta terutamanya dalam bidang teknologi pemerosesan dan pengeluaran bahan-bahan dan barangan-barangan tempatan utama negara ini seperti timah, getah, kelapa sawit, kayu-kayan, keluaran-keluaran pertanian dan lain-lain yang selama ini kita sangat-sangat bergantung kepada teknologi asing sebagaimana yang saya katakan.

Saya benar-benar berharap bahawa Akta Paten ini akan memberikan kesan yang besar terhadap penerokaan rekacipta-rekacipta baru yang ekonomik dan berguna di dalam bidang penghasilan pengeluaran dan pemerosesan bahan-bahan keluaran utama negara ini di mana kita menjadi pengeluar dan pembekal utama dunia. Kemajuan dalam bidang ini sudah tentulah akan mendatangkan faedah-faedah dan keuntungan kepada ramai golongan rakyat negara yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan sektor-sektor yang berkenaan seperti petani, nelayan, penduduk-penduduk luar, bandar dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta Paten ini nanti boleh mewujudkan galakan-galakan kepada perekacipta-perekacipta kita dengan sendirinya, saya berpendapat di dalam usaha-usaha untuk menggalakkan rekacipta-rekacipta di kalangan rakyat negara ini adalah perlu juga jika Kerajaan merangka panduan-panduan, dasar-dasar dan strategi-strategi yang sesuai untuk menyokong Akta ini supaya hasilnya akan lebih berkesan.

Pertama, untuk memastikan negara dan rakyat mendapat faedah dan manfaat sepenuhnya daripada rekacipta-rekacipta baru. Dalam jangka pendeknya, Kerajaan patutlah memberikan panduan tentang sektor ataupun kegiatan dan bidang-bidang yang hendak diutamakan untuk diterokai oleh bakal-bakal perekacipta yang boleh memberikan sumbangan besar kepada ekonomi, pembangunan dan kemajuan negara dan rakyat.

Kedua, untuk memastikan penghasilan rekacipta-rekacipta seberapa cepat, pihak-pihak tertentu yang sedia mempunyai asas keupayaan kemudahan-kemudahan hendaklah dipilih untuk memelopori usaha-usaha rekacipta seperti institusi-institusi pengajian tinggi, institusi-institusi penyelidikan saintifik dan teknikal, firma-firma kejuruteraan dan juga kilang-kilang terpilih untuk sama-sama kita menyertakan sektor swasta di dalam proses ini.

Ketiga, untuk membantu dan memberi panduan kepada bakal-bakal rekacipta di negara ini, Lembaga Paten yang akan diwujudkan nanti patutlah mengeluarkan suatu manual lengkap senarai rekacipta-rekacipta yang telah dipatenkan di negara-negara asing.

Keempat, sebagai mewujudkan insentif bagi usaha-usaha rekacipta di kalangan badan-badan dan institusi-institusi Kerajaan, saya mencadangkan iaitu yang pertamanya supaya peruntukan grant yang mencukupi patutlah disediakan supaya masalah kewangan tidak menghindar matlamat kita hendak menggalakkan mereka mewujudkan rekacipta. Keduanya, penghargaan dan anugerah negara sebagaimana yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli Dewan sebentar tadi patut juga

diberikan kepada badan-badan, institusi-institusi dan kakitangan-kakitangan mereka yang telah menghasilkan bukan semua rekacipta-rekacipta tetapi pada pandangan saya rekacipta-rekacipta yang difikirkan paling bermanfaat kepada negara dan rakyat.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua, sebagai mewujudkan insentif lagi bagi usaha-usaha rekacipta oleh individu-individu, fee yang dikenakan kepada individu-individu bagi permohonan untuk pemberian paten dan lain-lain patutlah tidak terlalu tinggi.

Keenam, saya juga mencadangkan oleh kerana kita sudahpun memasuki bidang industri berat pada masa ini dan sebuah Perbadanan Industri Berat (HICOM) telah ditubuhkan untuk memelopori bidang ini. Kajian-kajian penyelidikan dan inovasi-inovasi baru yang ada kaitan dan yang akan menyokong industri berat di negara ini hendaklah digalakkan. Bagi tujuan ini HICOM patutlah memelopori juga usaha-usaha galakan kepada bakal-bakal perekacipta-perekacipta dengan menubuhkan sebuah tabung bagi membantu sahaja projek-projek rekacipta yang diusahakan oleh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya persoalan yang lebih penting lagi berhubung dengan proses usaha dan matlamat menghasilkan lebih banyak rekacipta-rekacipta baru oleh rakyat negara ini ialah berhubung dengan pengeluaran secara komersial (commercial production) rekacipta-rekacipta mereka yang telah diciptakan nanti, rekacipta-rekacipta baru bukan sahaja akan diberikan kepuasan nama kemasyhuran faedah-faedah komersial kepada perekacipta-perekacipta sendiri tetapi juga dapat menyumbangkan faedah-faedah

ekonomi dan material kepada negara dan rakyat seluruhnya. Oleh itu dan berdasarkan kepada pandangan yang seperti ini Kerajaan patutlah mempunyai dasar dan strategi conducive bagi menggalakkan pengeluaran secara komersial rekacipta-rekacipta ini bukan oleh Kerajaan sendiri tetapi juga meliputi pengeluaran oleh pihak-pihak yang lain, pihak-pihak swasta bagi menjamin negara akan mendapat faedah sebaik-baiknya daripada rekacipta-rekacipta yang berkenaan.

Bagi tujuan menggalakkan pengeluaran secara komersial rekacipta-rekacipta baru yang telah dipatenkan ini, saya mencadangkan supaya yang pertamanya satu skim insentif yang sesuai patutlah ditimbang kepada pihak-pihak, yang mengeluarkan (manufacture) jentera-jentera, alat-alat dan lain-lain seumpamanya yang telah dipatenkan secara komersial supaya potongan atau rebate cukai kerana mengeluarkan jentera-jentera, alat-alat yang berkenaan sekurang-kurangnya bagi tempoh pengenalan rekacipta baru tersebut kepada pasaran sama ada pasaran tempatan mahupun pasaran luar negeri.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat usaha-usaha hendaklah dibuat oleh Lembaga Paten sendiri bagi membantu perekacipta-perekacipta untuk memperkenalkan rekacipta-rekacipta mereka yang difikirkan mempunyai potensi nilai komersial kepada pihak-pihak yang mungkin cenderung mengeluarkannya sama ada di dalam negeri atau pun di luar negeri. Usaha-usaha yang bersistematik patutlah diambil untuk membantu mengketengahkan rekacipta-rekacipta baru Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Akta Paten ini nanti adalah sangat besar faedahnya dan sepatutnya boleh membantu negara

dalam proses kemajuan dan perindustrian, saya berharap ianya akan dapat diberi liputan penerangan atau publisiti yang sebaik-baik dan seluas-luasnya kepada rakyat. Elok juga bersekali dengan liputan penerangan itu, risalah-risalah disediakan untuk menerangkan tentang pentingnya usaha-usaha rekacipta dipertingkatkan di negara ini dan mengapa kita perlu menjadi satu bangsa pencipta di dalam konteks kemajuan dan pembangunan negara dan masyarakat antarabangsa yang semakin progresif, dinamik dan kompetitif pada zaman ini termasuklah juga penerangan-penerangan tentang galakan-galakan dan kemudahan-kemudahan yang sedia diberikan oleh Kerajaan.

Saya juga ingin mengesyorkan oleh kerana Rang Undang-undang Paten, 1983 ini adalah disediakan berdasarkan kepada keadaan-keadaan, kaedah-kaedah, amalan-amalan dan akta-akta beberapa buah negara asing yang hanya baru kita pelajari, saya berpendapat Kerajaan hendaklah menyusul (monitor) perjalanan Akta ini nanti untuk satu tempoh masa yang bertujuan untuk mengesan apa-apa juga masalah ataupun kelemahan-kelemahan, dan jika perlu mengadakan apa-apa juga pindaan atau penyesuaian lanjut berdasarkan kepada keadaan masalah-masalah dan keperluan-keperluan di negeri ini sendiri.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

4.33 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Paten, 1983 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri kelmarin. Rang Undang-undang ini lahir pada ketika yang

sangat sesuai dan kena pada tempatnya dan ianya sudah tentulah akan mendatangkan banyak faedah dalam usaha Kerajaan membangunkan perindustrian di negara kita.

Saya yakin bahawa Rang Undang-undang Paten ini akan memberi inisiatif kepada setiap individu yang berminat dalam bidang rekaan dan ciptaan. Keuntungan yang diperolehi oleh para pencipta hasil daripada wujudnya Bill ini akan memberi peransang kepada bakat-bakat baru untuk terus menghasilkan rekaan baru yang mana sudah tentulah mendapat penghargaan masyarakat negara kita.

Kebanyakan negara-negara maju mempunyai undang-undang Paten masing-masing bagi melindungi kemahiran teknikal di dalam negara mereka. Adalah malang sekali kalau kita gagal menggubal suatu undang-undang bagi maksud yang sama. Negara kita akan sentiasa dieksploitasi oleh negara antarabangsa dan perseorangan yang suka merompak rekaan-rekaan dari negara kita. Dengan adanya Bill ini sebarang kejayaan dalam usaha mereka cipta akan mendapat banyak faedah di bidang perdagangan antarabangsa.

Rang Undang-undang ini merupakan suatu langkah ke hadapan kerana ianya dapat mempercepatkan proses pembangunan perindustrian dan sangat sesuai sebagai satu cara ataupun method untuk menghasilkan teknologi yang sesuai digunakan di negara membangun seperti Malaysia. Ramai pengarah-pengarah atau penulis-penulis buku mengenai pembangunan mempersoalkan tentang perbuatan negara-negara membangun yang terlalu menggunakan teknologi barat yang kadang-kadang mengakibatkan banyak masalah dalam proses

pelaksanaannya, kerana ianya kurang sesuai dari segi keadaan ekonomi dan keadaan sosio-politik untuk digunakan di negara-negara membangun. Adalah diharapkan bahawa dengan adanya undang-undang paten ini akan menghasilkan lebih banyak rekacipta tempatan yang lebih sesuai. Dengan sendirinya masalah ketidaksesuaian teknologi asing akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab yang saya sebutkan tadi, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Paten ini.

4.37 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Paten, 1983 yang sepatutnya telah lama dibentangkan di Dewan yang mulia ini dan kita telah mempunyai Rang Undang-undang Paten bagi negara ini sejak dahulu lagi sepatutnya, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan semalam bahawa negara kita ini masih menggunakan Undang-undang Paten yang dikuatkuasakan iaitu Registration of United Kingdom Patents Act 1951 (Revised 1978) untuk Semenanjung Malaysia, Registration of United Kingdom Patents Ordinance Chapter 124 untuk Sabah dan Registration of United Kingdom Patents Ordinance Chapter 61 untuk Sarawak.

Apabila undang-undang itu dibaca oleh Timbalan Menteri semalam, saya berasa sedih kerana itulah bentuknya negara kita, selama 26 tahun telah merdeka, begitu lama. Itulah sebabnya saya kata kesal dan sepatutnya sudah lama undang-undang ini dibawa ke Majlis Dewan ini untuk dibincangkan supaya dapat dijalankan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini tuannya paten negara yang inginkan perlindungan mestilah dirujuk ke United Kingdom bagi menentukan keaslian hak ciptanya itu didaftarkan dan boleh digunakan bagi industri tertentu. Maka sekarang sampailah masanya sesiapa tuannya yang hendak mendapatkan perlindungan dikehendaki membuat permohonan di Pejabat Pendaftaran Paten di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tanpa ke United Kingdom lagi.

Bagi mengelakkan mengambil masa yang begitu panjang serta mengeluarkan perbelanjaan yang begitu banyak, kata Timbalan Menteri semalam dan tidak menguntungkan negara kita, kerana kemajuan rekacipta negara tidak meningkat dan kita dikongkong apa kata Barat dan lain-lain negara yang maju yang mengimport rekacipta mereka dibawa masuk dengan nilai yang begitu mahal harganya, walhal negara kita sedang membangun dan hasil barang-barang mentah sebagai sumber industri yang boleh menghasilkan rekacipta menggunakan ahli-ahli teknologi negara kita yang sedang membangun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan di dalam Rang Undang-undang Paten BAHAGIAN II Seksyen 4 (7) berkenaan dengan Lembaga Paten. Saya berharap hendaklah dipilih oleh Yang Berhormat Menteri Ahli-ahli Lembaga ini dapat menjalankan tugasnya dan memberi kelulusan dengan adil dan tidak berat sebelah serta betul-betul Ahli Lembaga yang begitu minat supaya mereka menghadirkan diri dengan bersungguh-sungguh waktu diadakan mesyuarat ataupun mengkaji kedudukan perjalanan dan kelulusan paten-paten ini.

BAHAGIAN III—PENTAD-BIRAN. Fasal 8 menyatakan Menteri hendaklah melantik Pendaftar dan beberapa orang Timbalannya. Saya harap Timbalan-timbalan dan Pendaftar ini hendaklah orang yang begitu cekap kerana kalau didapati pada permulaannya ini tidak begitu cekap sudah barang tentu Lembaga Paten ini ataupun pihak Kementerian tidak dapat menjalankan tugasnya lebih baik atau untuk menjalankan Rang Undang-undang ini.

Berkenaan dengan Rompakcipta, tertulis di sini rompakcipta hendaklah didenda sebanyak \$5,000 atau dua tahun penjara, atau kedua-duanya sekali. Oleh kerana perkara ini kalau kita denda dan kita penjarakan begitu banyak tentulah perkara ini tidak berleluasa atau tidak siapa yang berani sebagaimana kita memberi hukuman kepada pengedar-pengedar dadah yang begitu berat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Pegawaiinya, kata sahabat saya tadi Ahli Yang Berhormat di belakang sana menyatakan hendaklah dicari pegawai-pegawainya yang berkelulusan tinggi dan dihantar ke luar negeri. Saya rasa ini tidaklah menjadi masalah kerana pegawaiinya ini adalah pegawai yang telah diberi kuasa oleh Menteri untuk menangkap dengan tidak berwaran dan sebagainya, tetapi buat sementara bolehlah melantik pegawai-pegawai yang diambil daripada pegawai-pegawai Polis, Kastam dan juga Badan Pencegah Rasuah. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Paten, 1983. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada banyak lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Seorang sahaja lagi. Ya, sila.

4.45 Ptg.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini yang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubung dengan paten dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi penekanan tertentu dalam mengulangi preamble atau mukadimah Rang Undang-undang ini oleh kerana mendengar akan berapa banyak harapan-harapan tinggi yang dilahirkan di dalam Dewan ini dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi permulaan saya memohon izin agar menarik perhatian Dewan kepada satu perkara, iaitu Rang Undang-undang ini hanyalah satu Rang Undang-undang bagi mengganti undang-undang yang sedia ada sebagaimana tertera di dalam Seksyen 89 dalam Rang Undang-undang ini. Sebagaimana terdapat di dalam tajuk Rang Undang-undang ini ianya hanyalah bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berhubung dengan paten. Bagi saya pentingnya wujudnya Rang Undang-undang ini adalah dari segi menunjukkan atau membuktikan komitmen Kerajaan Barisan Nasional terhadap tugasnya mengemaskini badan undang-undang negara.

Sepertimana saya terdengar Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tadi yang setelah 26 tahun kita merdeka dan seharusnya Rang Undang-undang ini telah pun wujud dahulu lagi. Pada pendapat saya Tuan

Yang di-Pertua, 26 tahun dalam sejarah satu-satu demokrasi berparlimen adalah satu jangka masa yang sangat pendek dan bila mana wujudnya satu Rang Undang-undang bagi mengemaskini undang-undang yang sedia ada dalam masa yang sebegini pendek, ini menunjukkan kewibawaan Kerajaan yang ada.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga mengakui bahawa perkembangan sains dan teknologi di negara kita semasa kini memerlukan Rang Undang-undang yang sedia ada itu dikemaskinikan bagi kita membuat persediaan, oleh kerana saya, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah sebegitu tingginya harapan yang dalam sedikit hari, baik pun 2-3 tahun yang ke hadapan ini kita akan dihujani oleh permohonan-permohonan untuk mendapat paten, akan tetapi oleh kerana sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan parti yang bertanggungjawab kita mempunyai, dengan izin, anticipation tentang keadaan yang akan timbul oleh kerana kita menyedari kita telah mencapai satu tahap pembangunan ekonomi dan teknologi dalam mana pasti akan wujud cerdik-pandai di antara kita yang akan dapat membuat rekacipta-rekacipta yang tertentu yang harus dilindungi oleh undang-undang.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dari segiimbangan hak perseorangan dengan kepentingan masyarakat, pada pendapat saya Rang Undang-undang ini mencapai satu garisan tengah yang sebaik-baiknya melindungi hak rekacipta perseorangan yang tertentu sambil juga mengambilkira kepentingan-kepentingan masyarakat umum, sepertimana terbukti dalam Seksyen-seksyen 11, 12 dan 13 di bawah BAHAGIAN IV. Oleh kerana bagi saya Bahagian ini dan seksyen-seksyen

inilah yang menjadi intisari Rang Undang-undang ini. Izinkan saya memetik di Seksyen 11 iaitu Rang Undang-undang ini khusus bersabit dengan kebolehpatenan dan undang-undang ini khusus berkenaan dengan misalnya bagi menjawab soalan apakah yang boleh dipaten.

Seksyen 11 izinkan saya memetik, Tuan Yang di-Pertua, menyebut:

“11. Sesuatu rekacipta boleh dipaten jika ianya baru, melibatkan langkah merekacipta dan boleh digunakan untuk perindustrian.”

Seksyen 12 pula menghuraikan apakah “rekacipta” itu. Kalau kita kaji daripada seksyen-seksyen ini, saya rasa dapatlah kita faham bagaimana khususnya Rang Undang-undang ini iaitu ianya ditujukan kepada perkara-perkara tertentu dari segi kebolehpatenan, yang mencapai perimbangan yang sebaik-baiknya di antara hak perseorangan iaitu yang mencipta dengan kepentingan masyarakat umumnya.

Oleh itu, Tuan yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang untuk membahaskan dari segi kaedah-kaedah mentadbirkan Rang Undang-undang ini sekiranya diluluskan, saya menyokong hanyalah dari segi 2-3 perkara ataupun prinsip-prinsip pokok yang saya huraikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jasim.

4.53 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasim): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak membahaskan isi kandungan Rang Undang-undang ini tetapi cuma

hendak menyentuh pada umumnya, sebagai contoh perjalanan Bahasa Malaysia yang digunakan di dalam kebanyakan Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat di mana setengah-setengah perkataan dan ayat-ayat yang digunakan mungkin tidak mencerminkan Bahasa Malaysia yang sebenarnya. Boleh jadi sebahagian besar daripada Ahli-ahli Dewan ini membaca Rang Undang-undang itu dalam bahasa Inggeris yang tepat dan kemas. Oleh kerana Dewan Rakyat ialah satu Badan yang tertinggi dalam negara kita dan segala Bahasa Malaysia yang digunakan dalam semua Rang Undang-undang adalah mendapat perhatian seluruh rakyat dan mungkin jalan Bahasa Malaysia itu dianggap oleh generasi baru sebagai Bahasa Malaysia yang betul. Saya tidak tahu sama ada Penggubal Undang-undang dapat kerjasama daripada Dewan Bahasa atau pakar-pakar bahasa yang lain supaya perjalanan Bahasa Malaysia yang digunakan dalam Rang Undang-undang dilaksanakan dengan betul.

Tuan yang di-Pertua, saya suka menunjukkan beberapa contoh seperti di muka 13 Fasal 14 (2) (a) ada menyebutkan perkataan “pemfailan”. Ini saya rasa daripada perkataan “file”. (b) “domestik”—perkataan itu ada bahasa yang tepat dalam Bahasa Malaysia. Perkataan “utiliti” di muka 14 Fasal 17 (2); “konfigurasi”, saya tidaklah begitu faham apa maknanya perkataan itu jika tidak dibaca ayat dalam bahasa Inggerisnya.

Ada juga di muka 15 Fasal 17 (7) “.....Mahkamah hendaklah mengawardkan.....” Kalau saya sebutkan ini kepada orang Melayu biasa atau orang kampung, sudah pasti mereka akan tercengang, sebab tidak tahu apakah maknanya. Barisan di bawah disebutkan lagi”.....gantirugi

dan hendaklah memberi suatu injunksi". Saya ingat ini mungkin "injunction". Begitu juga ada perkataan "bersesama", ini adalah satu perkataan yang saya tidak pernah dengar dalam Bahasa Malaysia. Di muka 16 Fasal 20 ada menyebut ".....hendaklah disifatkan terakru.....". Saya percaya Ahli-ahli Dewan Rakyat yang ada ini pun tidak faham semua tetapi mereka barangkali tidak berapa suka hendak menyebutkan perkara itu. Perkataan "fee" bulat-bulat dalam bahasa Inggeris di muka 17, padahal perkataan "fee" bahasa Inggeris sangat terang terjemahannya dalam Bahasa Malaysia sebagai "bayaran". Juga Fasal 27 muka 17 "sesuatu permohonan boleh mengandungi suatu penetapan yang menuntut prioriti....." "Prioriti" ada Bahasa Malaysia yang tepat iaitu "keutamaan", dan juga ada disebutkan perkataan "triti", perkataan "taksah" dan ada banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sebutkan di sini yang berkehendakkan supaya diperbaiki. Di muka 23 ada satu perkataan "dipanggil". Ini adalah perkataan pasar, bukan perkataan yang harus digunakan dalam Undang-undang. "Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang dipanggil Daftar Paten....." yang biasanya disebut "yang dinamakan" Daftar Paten, bukannya "dipanggil".

Tuan Speaker, seperti kata saya mula-mula tadi saya tidaklah berhajat hendak menerangkan isi kandungan kerana saya menyokong cadangan ini, cuma jalan bahasanya sahaja dan satu contoh lagi saya nampak di sini di muka 27 Fasal 39 (4) "Tiada apa-apa penyerahhakan". Rasa saya perkataan itu susah hendak difahami kalau tidak dibaca Undang-undang dalam bahasa Inggerisnya. Jadi saya berharap bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat

hendaklah benar-benar mencerminkan perjalanan Bahasa Melayu yang sempurna supaya ianya dapat ditauladani oleh orang ramai dan bahasa Malaysia (bahasa rasmi) itu digunakan dengan betul. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak menangguhkan mesyuarat sehingga pukul 5.30 petang. Selepas itu saya akan memanggil Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab hujah-hujah yang telah dikeluarkan. Sekarang persidangan ditangguhkan sehingga pukul 5.30 petang.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.58 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.30 petang

(Tuan Yang Dipertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab hujah-hujah dan jangan terlupa berkenaan dengan Bahasa Malaysia.

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang Dipertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Paten ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon memulakan hujah-hujah yang sangat berfaedah yang telah dilafazkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat pada 25hb dan 26hb Julai dan ingin saya menjelaskan dengan lebih lanjut atas beberapa soalan yang telah dimajukan kepada saya.

Pandangan dan pendapat dari Dewan Perniagaan Antarabangsa Malaysia telah diambil kira semasa menderaf Rang Undang-undang ini, contohnya seksyen 10 (1) dalam Akta telah diambil dari cadangan Dewan Perniagaan ini. Dewan telah juga membuat cadangan untuk menghapuskan Patents Board, tetapi cadangan ini telah tidak disetujui oleh Kerajaan. Juga perakuan bagi pembaharuan utiliti seperti di Fasal 17 Akta telah tidak dihadkan kepada warganegara Malaysia sahaja.

Cadangan-cadangan yang lain telah juga diambil kira semasa menderaf Rang Undang-undang ini. Dewan juga membangkitkan perkara Malaysia menjadi ahli kepada pertubuhan antarabangsa yang ada hubungan dengan paten. Perkara ini akan dikaji setelah Rang Undang-undang ini dilaksanakan.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh atas perkara Perlindungan Paten Antarabangsa, jawapannya adalah seperti berikut. Jaminan dan perlindungan di luar negeri boleh diperolehi oleh seseorang tuannya paten dengan memohon pendaftaran patennya di negara-negara di mana ia berkehendakkan perlindungan. Satu kemudahan boleh diperolehi oleh rekapipta-rekapipta di Malaysia untuk mendapatkan perlindungan di luar negeri jika Malaysia menjadi ahli kepada Paris Convention and atent Co-operation Treaty, dengan izin Tuan Yang Dipertua, di mana perlindungan akan dapat diperolehi dengan satu permohonan dan menamakan negara-negara yang menjadi ahli mesti di dalam permohonan tersebut bagi negara yang diperlukan perlindungan.

Tuan Yang Dipertua, perkara menggelidih tanpa waran ini telah dibangkitkan oleh Wakil Rakyat dari

Pasir Puteh yang menyuarakan rasa tak puas hati ke atas kuasa yang diberikan kepada pihak penguatkuasa yang dikehendaki mendapat waran daripada Majistret sebelum memasuki ke dalam mana-mana rumah kediaman, kedai, lain-lain bangunan atau tempat di mana sesuatu kesalahan telah dilakukan. Perkara menggelidih dengan waran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 70, Rang Undang-undang ini telah dikaji dengan secara mendalam. Kita terpaksa menimbang akan terlebih soalan-soalan fundamental liberty dan hak privacy, dengan izin. Tuan Yang Dipertua, setiap individual serta kepentingan awam dalam membuat/individu, sesuatu keputusan terutama kuasa menyelidik tanpa waran ke atas mana-mana tempat kediaman, kedai, bangunan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 69 Rang Undang-undang ini pihak penguatkuasa atau pihak polis boleh menangkap mana-mana orang yang dilihat, didapati atau cuba melakukan kesalahan di bawah Akta Paten ini.

Sebagai makluman, selain daripada tindakan pendakwaan ke atas mana-mana individu yang melakukan sesuatu kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini, seseorang boleh juga melakukan proceedings civil untuk mendapatkan gantirugi dan juga injunction daripada maklumat untuk menghalang perlanggaran (infringement) selanjutnya dan lain-lain pemberian. Ini diperuntukkan di bawah seksyen 61 kepada Rang Undang-undang ini.

Jelasnya tuannya paten bukan sahaja mendapat perlindungan undang-undang dari segi di mana seorang yang melanggar hak paten boleh didakwa sebagai satu kesalahan criminal, tetapi di dalam masa yang sama boleh membuat tindakan civil

dan mendapatkan gantirugi serta injunction daripada mahkamah untuk memenuhi hak patennya.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas untuk mencadangkan supaya Kerajaan memberi incentive dalam bentuk hadiah, perkara ini akan diberi pertimbangan setelah Akta ini berkuatkuasa dan setelah dapat mengukur kemajuan yang telah dibuat oleh pencipta-penciptanya.

Tuan Yang Dipertua, kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap perlantikan semua ahli-ahli yang berkenaan, pengambilan dan pembelian alat yang lengkap bagi pejabat penyeliaan, juga memberi pertimbangan terhadap seksyen 11.

Di seksyen 13, rekacipta yang tidak boleh dipaten ini tidak diberi paten kerana perkara ini boleh dianggap sebagai perkara semula jadi (natural development) dan pemberian ini juga terdapat dalam semua Akta Paten di negara-negara lain dan ini adalah peruntukan yang standard.

Peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini sudah mencukupi untuk memberi perlindungan kepada pencipta dan melarang melakukan rompakcipta. Pandangan Ahli Yang Berhormat atas perkhidmatan maklumat paten dan pemberian paten di bawah seksyen 13 (1) (c) adalah diambil perhatian.

Seksyen 36, hak-hak pemunya paten, pegawai yang menjalankan tugas-tugas ini mesti mempunyai kemahiran dan pengalaman.

Seksyen 84, hak-hak Kerajaan ini agar untuk perkembangan Kerajaan dan injunction juga eksklusif.

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat syarat-syarat sesuai rekacipta itu boleh

dipaten atau tidak, diperuntukkan di bawah Bahagian IV kepada Rang Undang-undang ini. Soal cetakrompak ciptaan-ciptaan penyanyi seperti Allahyarham P. Ramlee seperti yang diperkatakan dalam perbahasan tidak timbul kerana soal cipta atau daya kreatif drama muzik adalah dikenal oleh Akta Hakcipta (Copyright Act).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal barang-barang tiruan yang terdapat dalam perusahaan seperti yang dibangkitkan dalam perbahasan adalah soal yang berlainan kerana soal menguatkuasakan barang-barang tiruan ini adalah dikenal di bawah satu undang-undang yang lain iaitu Akta Penetapan Dagangan (Trade Decision Act).

Mengenai istilah kepada Rang Undang-undang ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jasin, Melaka, untuk makluman Yang Berhormat berkenaan, segala istilah-istilah yang dibangkitkan adalah diluluskan oleh Jawatankuasa Istilah Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sebagai contoh Yang Berhormat tersebut menyatakan bahawa "fee" sepatutnya diterjemahkan sebagai bayaran. Sebenarnya pihak Jawatankuasa telah menimbang setiap istilah dan terjemahan dengan teliti, oleh itu istilah fee diterjemahkan sebagai fee berdasarkan perkataan payment of fee. Oleh itu, bagi payment of fee diterjemahkan sebagai bayaran fee dan bukan diterjemahkan bayaran pembayaran.

Pandangan Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain adalah saya junjung tinggi dan jika didapati praktikal akan dilaksanakan. Pada amnya semua sokongan-sokongan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sangat-sangat

dihargai dan akan memberi petunjuk kepada Kementerian saya di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang di-timbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 89 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TAMAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.46 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama "Suatu

Akta untuk Meminda Akta Taman Negara 1980" dibaca bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang Taman Negara yang bertujuan hendak mengadakan suatu perundangan bagi menubuh, mengawal dan menguruskan taman-taman negara di semua negeri di Malaysia, kecuali Sabah dan Sarawak, telah pun diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1980. Pandangan-pandangan serta ulasan-ulasan Kerajaan-kerajaan Negeri telah dipohon dan diambil kira dalam penyediaan dan penggubalan perundangan tersebut. Namun demikian, apabila Kementerian saya mula meninjau kemungkinan merezabkan beberapa kawasan untuk dijadikan taman negara, beberapa Kerajaan Negeri telah mengemukakan pendapat bahawa Akta Taman Negara 1980 perlu dipinda terlebih dahulu supaya kepentingan Kerajaan-kerajaan Negeri dapat diperindungi dan penglibatan pihak berkuasa negeri dalam pengurusan taman-taman negara dipertingkatkan.

Oleh yang demikian, Kementerian saya telah mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang berkenaan dalam akta tersebut dan telah mencadangkan beberapa pindaan. Cadangan-cadangan pindaan tersebut telah pun dimajukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri pada bulan September 1982 untuk mendapat ulasan mereka. Negeri-negeri Johor, Kelantan, Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Pahang dan Terengganu telah menyokong pindaan-pindaan tersebut dan Kementerian saya tidak pula menerima apa-apa bantahan daripada negeri-negeri lain.

Tuan Yang Dipertua, secara amnya, pindaan-pindaan tersebut akan menentukan supaya Kerajaan Negeri turut terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran sesuatu kawasan setelah kawasan tersebut diisytiharkan sebagai taman negara. Dengan

pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri akan dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam penubuhan, pentadbiran dan pembangunan sesuatu kawasan taman negara dan juga akan membolehkan kawasan yang lebih luas direzabkan sebagai taman negara supaya dapat diperkukuhkan lagi langkah-langkah bagi memelihara dan melindungi hidupan liar, tumbuh-tumbuhan serta bahan-bahan yang mempunyai kepentingan dari segi kajibumi, kajipurba, sejarah dan ekologi.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Taman Negara, 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

5.59 ptg.

Tuan Sim Kwan Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Taman Negara yang bertujuan meminda Akta Taman Negara 1980.

Rang Undang-undang ini akan memberi lebih perwakilan dan hak perundingan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam perkara-perkara yang melibati Taman Negara. Inilah suatu langkah yang sesuai agar memastikan perhubungan yang rapat di antara Pihak Berkuasa Negeri dengan pihak berkuasa Persekutuan. Maka sukacita saya mencadangkan dengan ini bahawa mungkin masa yang sesuai telah tiba untuk negara kita

mengambil kajian semula atas peranan Taman Negara dalam kehidupan negara kita (national life).

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara membangun dan kemajuan pembangunan sosio-ekonomi tergantung atas kemajuan sains dan teknologi. Falsafah sains dan teknologi adalah pengetahuan yang membuat tekanan ke atas mengawal, menggunakan dan mengeksploitasi alam sekitar oleh manusia.

Dalam hasrat kita untuk mengawal alam sekitar supaya meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pengeluaran hasil perindustrian, perhutanan dan pertanian, kita kadangkala melupakan bahawa alam sekitar bukanlah hamba abdi manusia atau musuh manusia tetapi manusia adalah sebahagian seluruh alam semesta, yang penting sekali alam sekitar adalah kawan manusia. Oleh yang demikian, kita sebagai rakyat sebuah negara membangun mestilah mengambil perhatian untuk membuat had-had di dalam urusan pembangunan untuk memastikan bahawa kita akan memelihara dan melindungi alam sekitar sementara kita melaksanakan projek pembangunan. Kerajaan hendaklah mengingatkan bahawa alam sekitar adalah peninggalan yang dihargai yang akan diwarisi oleh generasi yang akan datang.

Alam sekitar kita adalah hadiah dari Tuhan (a gift from God) supaya manusia dapat menikmatinya dan bukanlah merosakkannya. Prinsip ini adalah satu prinsip yang selalu dilupakan oleh negara-negara maju di Barat dan kita mestilah mempelajari dari contoh itu. Rakyat Malaysia mestilah menyedari bahawa kalau kita memelihara alam sekitar bererti kita memelihara anak-anak kita sendiri.

Oleh yang demikian, perhatian yang lebih mestilah diberi kepada pembinaan, pengurusan dan pembangunan Taman Negara di seluruh Malaysia.

Suka saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Kerajaan dalam keputusannya untuk menarik balik suatu keputusan bagi melaksanakan suatu projek haidro-lektrik di Ulu Tembeling, Pahang dan sebuah Taman Negara telah diselamatkan. Perbuatan ini bukanlah menunjukkan suatu kelemahan dari segi pentadbiran Kerajaan tetapi menunjukkan sikap yang baik kerana Kerajaan telah menyambut hasrat rakyat Malaysia yang menghargai alam sekitar tetapi masih banyak lagi yang harus diuruskan. Beberapa jenis haiwan dan pokok hidup akan menjadi extinct, mati semuanya. Contohnya, Orang Utan di Sarawak dan Sabah. Yang begitu lebih mustahak juga ialah hutan dara yang luas berjuta hektar yang lenyap dari permukaan bumi, khususnya dalam negeri Sabah dan Sarawak akibat penebangan pokok dengan sembarangan. Saya sedar bahawa Sarawak dan Sabah dikecualikan di bawah Akta ini tetapi saya gunakan mereka sebagai contoh sahaja dan hadiah dari Tuhan sedang dirosakkan dan dihapuskan oleh ketamakan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar yang menarik perhatian termasuk hutan dara memakan masa beribu-ribu tahun sebelum pertumbuhannya tetapi ketamakan manusia mengambil tidak begitu banyak tahun untuk menghapuskannya. Perkara itu suatu tragedi moden. Tanggungjawab kita ialah menentukan bahawa keadaan tersebut tidak akan berlaku di negara kita. Saya haraplah Kementerian Sains dan Teknologi akan mengambil sikap yang positif dalam perkara ini dan bangun dari ketidurannya di dalam pengurusan Taman Negara seluruh Malaysia.

Satu dasar alam sekitar mestilah dirumuskan dengan segera. Peranan yang dimainkan oleh Taman Negara bukanlah membuka padang pemandangan untuk menarik perhatian pelancang menarik keuntungan 'foreign exchange'. Saya sedar satu kawasan di Bahagian Kelima di negeri Sarawak telah terdapat satu sistem gua bawah tanah yang terbesar di dunia. Banyak jenis-jenis haiwan dan pokok-pokok hidup yang baru yang dapat diketahui kali yang pertamanya. Saya bimbang bahawa jika pihak kerajaan bercadang menarik pelancang dari luar negeri, satu Taman Negara akan dibina tidak lama lagi dan benda-benda yang tidak diingini seperti Holiday Inn, Hilton Coca-Cola dan Disco akan dibina di dalam hutan dara itu. Itu tidak sihat dan keindahan alam akan dirosakkan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan tujuan pembinaan Taman Negara mestilah memberi keutamaan ke atas perlindungan alam sekitar kita supaya memastikan bahawa tempat-tempat tertentu seperti kawasan hutan dara termasuk semua fauna and flora akan dipelihara dengan keharmonian alam dan keindahan seperti untuk generasi akan datang. Ketika pembangunan negara sedang diadakan dengan pesat maka oleh itu konsep Taman Negara ini amatlah penting bagi menentukan bahawa kemajuan negara akan mempunyai mutu, nilai serta kuantiti yang tinggi. Sekian sahaja.

6.00 ptg.

Tuan Alias bin Md Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Taman Negara 1980 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya ada share di dalam hal ehwal pentadbiran Taman Negara dan merobah Akta lama yang hanya memberi kuasa kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kerajaan Pusat untuk mentadbirkan Taman Negara yang ada di dalam negara kita.

Saya mengalukan-alukan perubahan ini dan saya rasa dengan adanya pindaan Akta ini kerjasama antara Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkuasa dan berdaulat di atas tanah dengan Kerajaan Pusat khususnya Kementerian yang berkenaan akan menjadi lebih rapat dan dapatlah dijalin kerjasama yang bermakna bagi faedah pemeliharaan Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan satu perkara iaitu jika kurang supervision daripada pegawai-pegawai yang berkenaan terhadap Taman Negara yang sedia ada. Saya tidak dapat pastikan sama ada telah berlaku pencabulan oleh pembalak-pembalak di kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan Taman Negara, tetapi ada tanda-tanda bahawa terutamanya di kawasan saya di daerah Hulu Terengganu yang menunjukkan bahawa pembalakan haram telah pergi hampir ke kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan Taman Negara dan kalau perkara ini didapati, ini adalah satu perbuatan yang agak serius dan pihak Kementerian ini patutlah mengadakan penyiasatan yang teliti termasuk mengadakan pengawasan daripada udara terhadap kegiatan-kegiatan liar pembalakan yang saya percaya kita semua faham di mana-mana juga dalam negeri di Malaysia ini terdapat pembalakan-pembalakan haram yang tidak ikut perenggan-perenggan yang ditentukan oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, memelihara Taman Negara adalah memelihara suatu anugerah Tuhan kepada kita. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada DAP itu. Oleh itu pemeliharaannya hendaklah dijalankan dengan penuh perasaan tanggungjawab dan penuh ikhlas supaya amanah yang diberi kepada kita itu tidak dipersia-siakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Taman Negara dan hubungannya dengan penghidupan liar yang ada dalam negara kita. Kedua-dua ini adalah menjadi tanggungjawab Kementerian yang berkenaan, walaupun pemeliharaan binatang-binatang liar ini tidak termasuk dalam bidangkuasa Akta Taman Negara, tetapi adalah terletak di bawah suatu Akta lain iaitu Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972. Akan tetapi kedua-duanya ini ada kait-mengait dan saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan supaya tidak menggunakan Taman Negara ini hanya untuk tujuan-tujuan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, tetapi juga menggunakan Taman Negara ini untuk mengumpulkan dan membiakkan binatang-binatang dan haiwan-haiwan dan jangan dibiarkan binatang-binatang dan haiwan ini berkeliaran di kawasan-kawasan luar daripada kawasan Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan saya dalam menghadapi binatang-binatang liar ini amat serius oleh kerana kawasan Hulu Terengganu itu bersempadankan hutan belantara yang termasuk di dalamnya Taman Negara yang meliputi negeri-negeri Pahang dan Kelantan. Oleh yang demikian segala jenis binatang-binatang buas bukan sahaja diconfinekan, dengan izin, di dalam kawasan Taman Negara

itu, tetapi juga dibiarkan keluar daripada kawasan itu hingga merosakkan tanaman-tanaman orang-orang kampung.

Saya pernah dianggap sebagai Parlimen Gajah waktu mula-mula saya menjadi Ahli Parlimen tahun 1978 dahulu, oleh kerana menimbulkan masalah gajah yang melanda kawasan-kawasan pertanian dalam kawasan saya. Jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan pada ketika itu ialah bukan salah gajah, tetapi salah kita yang pergi ke kawasan gajah membuka tanah di kawasan gajah. Saya boleh terima logik ini, akan tetapi kita mempunyai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab untuk melindungi penghidupan liar ini dan Kementerian juga diberi satu taman kawasan pemeliharaan binatang liar yang tidak ada terhad luasnya, entah berapa puluh ribu ekar, saya pun tidak tahu. Oleh yang demikian, kalau pihak Kementerian berkenaan ini berminat hendak memelihara gajah biarlah dipelihara di dalam kawasan Taman Negara ini dan tidak dibiarkan gajah-gajah ini memusnahkan kawasan-kawasan pokok-pokok durian, pokok pisang, pokok mempelam dan sebagainya yang ditanam, yang diusahakan oleh orang kampung yang menjadi punca pencarian kepada orang-orang kampung.

Saya cukup dukacita oleh kerana pihak pegawai-pegawai yang berkenaan nampaknya tidak berupaya hendak mengatasi masalah ini dan setiap tahun kalau ada musim durian dalam kawasan saya, seperti sekarang ini tengah musim durian, gajah ini sampai ke tepi kampung di kawasan dusun-dusun durian dan apabila durian luruh pada waktu malam habis dimakan oleh gajah.

Saya pun sudah banyak kali buat aduan kepada pihak Pelindung Mergastua, mereka telah menghantar pegawai-pegawai untuk menembak ke

udara, tetapi gajah tidak boleh lari dengan tembakan ke udara. Jadi inilah masalahnya kita ada sebuah Taman Negara yang tidak jauh dari situ, tetapi gajah-gajah ini pihak Kementerian tidak dapat sehingga ini menghalau ke Taman Negara yang sedia ada. Saya harap pihak Menteri yang berkenaan akan campurtangan oleh kerana dalam masalah ini pencarian orang kampung yang daif terlibat, kalau tidak diusahakan menghalau gajah ini ke kawasan yang lebih jauh daripada kawasan perkampungan, maka kita tidak boleh menyuruh orang kampung bekerja kuat untuk memperbaiki kehidupan mereka oleh kerana mereka kerja kuat pun musuh-musuh tanaman yang dipelihara oleh Kementerian yang berkenaan akan datang merosakkan tanaman-tanaman mereka. Begitu juga masalah besar yang dihadapi oleh penanam-penanam di kawasan saya ialah ancaman daripada babi hutan, dengan izin, wild boars. Babi hutan ini, Tuan Yang di-Pertua, sampai masuk ke bawah rumah orang-orang kampung, yang anihnya sejak akhir-akhir ini pihak Kementerian berminat lebih besar untuk memelihara babi-babi hutan ini, dahulunya dibebaskan untuk diburu, ditembak dengan senapang, jadi orang-orang Cina yang suka makan babi hutan ini bila-bila masa mereka boleh pergi ke kampung buru babi hutan, sekarang ini tidak boleh kecuali dengan izin, kecuali dengan ada alasan-alasan yang tertentu seperti babi ini didapati merosakkan tanaman-tanaman dan tuannya tanaman itu berhak membunuh babi itu. Jadi kalau hendak tunggu di situ, orang-orang kampung bukan semuanya ada senapang, orang-orang kampung yang ada tanaman terpaksa pergi cari orang yang ada senapang dan sementara dia pergi cari, babi pun sudah lari. Akhirnya tanaman-tanaman orang kampung rosak. Saya didatangi oleh ramai orang kampung yang mengatakan saya telah tanam 10,000

pokok pisang, dalam masa sebulan habis dikebas oleh binatang babi liar ini yang dipelihara oleh Kementerian yang berkenaan (*Ketawa*). Jadi tolonglah, ini masalah hidup mati orang kampung, kita tidak boleh main-main, bukan masalah kecil bagi orang kampung. Macam mana rasa saya kalau kita tidak bebaskan penghapusan babi-babi liar ini, ia akan menjadi satu ancaman yang berterusan kepada orang-orang kampung yang hidup bergantung kepada menanam. Kalau hendak pagar kena pagar dengan chain link satu kawasan 3 ekar mungkin \$10,000 belanja hendak pagar dengan chain link, baru babi tidak boleh masuk. Itu pun belum tentu, dia boleh gali lagi ikut bawah. Babi hutan ini terlampau cerdik, Tuan Yang Dipertua.

Khabarnya babi hutan ini dijadikan binatang peliharaan oleh Kementerian Sains dan Teknologi oleh kerana ada tanda-tanda bahawa babi hutan ini sudah mulai hendak pupus. Saya berfikir mungkin benar di Pantai Barat binatang ini hendak pupus, sebab di sini ramai orang Cina mereka suka tembak babi, jadi hapus. Tetapi di Pantai Timur, di Kelantan dan Terengganu tidak ramai orang Cina, jadi babi tidak ditembak, membiak setahun 4 ekor dia beranak; kalau 10 tahun entah berapa kali ganda bilangannya. Jadi tidak ada rasional langsung pada pandangan saya untuk Kementerian yang berkenaan terus menerus dengan dasar hendak memelihara babi-babi hutan ini bagi kawasan Pantai Timur terutama sekali. Cubalah Yang Berhormat Menteri balik ke Kementerian, panggillah pegawai-pegawai dan tanya mereka apa fasal yang kita hendak lindungi babi-babi ini sedangkan babi ini merosakkan tanaman orang-orang kampung, menjadi musuh kepada tanaman-tanaman orang kampung. Jikalau rasionalnya itu tidak begitu kuat kerana semata-mata kita

berkehendakkan supaya biar ada generasi kita akan datang tengok, beginilah rupa babi, saya rasa rasional itu tidak begitu kuat, oleh kerana kita mesti pro-rakyat, rakyat yang mencari penghidupan tidak semestinya diancam, tidak seharusnya dibiarkan diancam oleh satu dasar yang kita sendiri buat, sedangkan di satu pihak yang lain iaitu pihak Kementerian Pertanian sentiasa menggalakkan rakyat supaya menanam dan memberi segala macam input subsidy dengan bajanya, racun serangganya, dengan tenggalanya, dengan benih dan sebagainya tetapi bila sudah ditanam, binatang peliharaan Kementerian Sains dan Teknologi yang merosakkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Menteri yang berkenaan akan memberi pertimbangan yang khusus kepada masalah yang dihadapi oleh Pantai Timur ini mengenai babi dan gajah tadi. Kalau di Pantai Barat ini kekurangan babi, saya syorkan supaya dikumpulkan babi-babi daripada Pantai Timur itu dan dibawa ke Pantai Barat ini dipelihara di satu kawasan yang terlindung kerana kami di sana tidak perlu babi dan kami akan terselamat daripada serangan babi. Begitu juga gajah, gajah adalah satu masalah yang saya kata tadi serius yang tidak dapat diatasi sampai sekarang sudah berpuluh-puluh tahun. FELDA kena, RISDA kena, FELCRA kena, semua kawasan-kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit, getah dan sebagainya oleh agensi-agensi Kerajaan dirosakkan oleh gajah dan Kerajaan rugi. Jadi saya tidak nampak satu rasionalnya kita terus dengan dasar semata-mata kerana hendak pelihara binatang ini jangan pupus, bawa ke Zoo Negara banyak-banyak tidak apa, biar anak-anak kita boleh tengok terus menerus binatang-binatang ini daripada biarkan duit rakyat, duit orang

kampung dan duit Kerajaan membazir kerana dirosakkan oleh binatang-binatang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

6.15 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membincang, memberikan pendapat di samping menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Taman Negara, tahun 1980.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah sebentar tadi dapat membentangkan pindaan-pindaan terhadap Akta Taman Negara, 1980 di mana saya rasa tujuan pindaan yang telah dibuat dan yang sedang diperbincangkan sekarang ini ialah semata-mata bertujuan untuk memberikan kuasa yang lebih kepada Kerajaan Negeri terhadap tanah-tanah ataupun sesuatu kawasan tanah di dalam sesebuah negeri yang digazetkan sebagai Taman Negara bagi yang pertamanya untuk memudahkan pentadbiran Taman Negara itu sendiri sama ada pentadbiran secara umumnya mahupun pentadbiran di dalam bentuk-bentuk Majlis Penasihat Taman Negara ataupun pentadbiran di dalam bentuk anggota-anggota Jawatankuasa Taman Negara seperti yang dicadangkan mengikut cadangan Akta pindaan ini.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberikan satu contoh pentadbiran di mana di dalam kawasan Taman Negara tersebut terdapat beberapa perkampungan Orang-orang Asli dan perkampungan Orang-orang Asli ini pula terletak tersangat jauh di pedalaman. Mereka mengusahakan kegiatan-kegiatan

ekonomi secara primitive, secara yang paling simple, bercucuk-tanam seperti ubi keladi dan jagung, begitu juga menangkap ikan dan kegiatan-kegiatan ekonomi tersebut hanya cukup untuk menyara hidup keluarga mereka sahaja dengan tidak ada pendapatan lebih ataupun surplus. Jadi setelah Kerajaan Negeri diberikan kuasa di dalam pentadbiran tersebut maka dengan kerjasama Jabatan Orang Asli masalah-masalah mengenai kebajikan Orang-orang Asli ini dapat kita pelihara dan seterusnya ekonomi kaum Orang Asli yang tinggal di kawasan Taman-taman Negara yang telah digazetkan oleh Kerajaan itu dapat kita peringkatkan di samping dapatlah Orang Asli itu mengecap nikmat hidup di tanahair tempat tumpah darah mereka sendiri.

Yang keduanya untuk menjaga ataupun untuk memelihara keselamatan Taman Negara itu dari sudut pembukaan kawasan-kawasan membalak, dari sudut pembukaan kawasan-kawasan melombong, dari sudut pembukaan-pembukaan kawasan untuk pembangunan-pembangunan tanah seperti pembangunan tanah bagi rancangan tanah FELFA, FELCRA dan RISDA dan dari sudut untuk memudahkan Muzium Negara untuk membuat kajian-kajian carigali bahan-bahan purba.

Di sini Kerajaan Negeri bolehlah memilih bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan ataupun khususnya Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar bolehlah memilih dan memastikan kawasan-kawasan mana dan bahagian-bahagian mana di dalam Taman Negara yang telah digazetkan itu boleh dimajukan untuk rancangan-rancangan tanah FELDA, untuk rancangan-rancangan tanah RISDA, untuk dimajukan oleh FELCRA dan seumpamanya dan juga untuk tujuan-tujuan carigali seperti

melombong bijih timah, bijih besi dan sebagainya dengan tidak menjejaskan keaslian kawasan-kawasan hutan di samping dapat menjaga keindahan alam semula jadi.

Yang ketiga, ialah untuk mengawasi keselamatan binatang-binatang liar. Seperti apa yang telah dinyatakan, yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat wakil dari Hulu Terengganu tadi saya berpendapat bahawa pada masa-masa yang silam, agensi-agensi Kerajaan yang telah dikhususkan untuk membuka kawasan-kawasan tanah untuk dijadikan rancangan tanah bagi diagihkan pula kepada rakyat yang tidak bertanah, rakyat yang laparkan tanah, rancangannya tidak begitu menyeluruh. Rancangannya pada ketika itu hanya menekankan kepada keadaan kesesuaian tanah, hanya menekankan kepada keadaan kawasan tetapi tidak mengambil kira tentang kesejahteraan dan keselamatan makhluk Tuhan ataupun di dalam konteks ini binatang-binatang liar yang menjadi penghuni tetap di dalam hutan-hutan tersebut. Akibatnya terdapatlah rusa yang masuk ke kampung dengan keadaannya tercengang-cengang, kena dua butir 'butt shot' ataupun penabur jatuhlah rusa-rusa tersebut maka diagihkanlah rusa-rusa itu di kalangan beberapa kerat penduduk untuk menikmati kelazatan daging rusa itu.

Begitu jugalah keadaannya dengan kijang, dengan pelanduk, dengan napuh dan dengan ayam-ayam hutan menjadi mangsa muncung senapang dan jika sekiranya perkara ini berlarutan dan tidak dipertimbang atau dipertitikberatkan, saya yakin pada satu ketika nanti binatang-binatang yang menjadi penghuni tetap hutan ini akan pupus. Begitulah juga keadaannya dengan binatang-binatang liar yang lebih ganas yang juga sering mengancam penduduk-penduduk

kampung dan juga sering mengancam tanaman-tanaman di kampung-kampung, seperti gajah, seperti harimau, babi hutan dan sebagainya seperti yang telah dinyatakan dan disuarakan oleh wakil dari Hulu Terengganu itu tadi. Kejadian ancaman harimau, babi hutan dan gajah ini bukan sahaja berlaku di kawasan Hulu Terengganu malah ianya berlaku di kawasan Tenggara sendiri akibat daripada pembukaan kawasan hutan yang tidak menitikberatkan atau mengambil kira tentang faktor kesejahteraan, keselamatan dan perpindahan binatang-binatang liar ini. Kalau di bandar-bandar, kita hendak jadikan sesuatu kawasan tanah itu tanah yang ada penghuninya sebagai kawasan perumahan, maka penghuni-penghuni yang ada di kawasan itu kita pindahkan dia dahulu ke rumah-rumah pangsa, carikan dia rumah-rumah atau berikan dia tanah dan dibinakan rumah bagi mereka. Jadi kehendak penghuni tetap hutan ini pun sama juga keadaannya. Sebelum kita buka tanah, kita pindahkan dia. Oleh kerana binatang-binatang liar ataupun hidup-hidupan liar ini jika tidak dipindahkan terlebih dahulu sedangkan kawasan tempat tinggal mereka diceroboh diancam dengan pembukaan-pembukaan tanah maka mereka pun mulalah mengganas. Gajah di kawasan Tenggara sana khususnya di FELDA Tenggara dan RISDA Sungai Ambat ada 7 ekor semuanya, bukan calang-calang gajah, besar-besar dan gajah ini pula cerdik. Gajah betina tidak mahu gajah jantan yang kurang handsome (*Ketawa*) untuk dipikat dan ditarik dibawa masuk ke dalam kawasan Taman Negara. Begitu juga gajah jantan tidak mahu gajah betina yang kurang cantik untuk memikatnya pergi bersama-sama masuk ke dalam kawasan Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana Yang Berhormat tahu itu? (*Ketawa*)

Tuan Khadri bin Sabran: Saya perhati kepada keadaan belalainya mungkin, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Jadi beberapa percubaan telah dibuat untuk memikat gajah ini yang merosakkan tanaman-tanaman di kawasan FELDA Tenggaroh dan juga di RISDA Sungai Ambat tetapi usaha-usaha tersebut gagal. Saya berharap kepada Kementerian yang membentangkan Rang Undang-undang pindaan ini supaya menambahkan lagi usaha bagi membawa gajah-gajah tersebut, memindahkan gajah-gajah tersebut daripada kawasan tempat tinggal asal mereka yang kini telah pun dijadikan sebagai rancangan tanah masuk ke dalam kawasan Taman Negara yang telah digezetkan dan yang berhampiran supaya gajah-gajah, harimau dan babi hutan ini selamat sejahtera tinggal di kawasan yang baru yang kita kira lebih selesa, lebih aman, lebih mudah bagi binatang-binatang ini untuk mencari makan.

Keempatnya, saya kira adalah lebih penting lagi iaitu dari sudut pengawasan tentang penghuni-penghuni hutan yang tidak dijemput. Penghuni-penghuni hutan yang sering berpindah-randah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain ataupun dengan ringkas katanya kegiatan anti-nasional ataupun kegiatan komunis. Jika sekiranya satu perhubungan yang rapat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam memelihara kawasan Taman Negara maka dapatlah kedua-dua pihak ini menjaga keselamatan Taman Negara tersebut supaya kawasan Taman Negara tersebut tidak menjadi kawasan tempat penghuni-penghuni seperti yang saya sebutkan itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat. Besok boleh sambungkan semula.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua saya dengan hormatnya mengusulkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

UCAPAN PENANGGUHAN

**Kelas Bahasa Ibunda
(POL) di Sekolah-sekolah
Kepong**

6.31 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun sangat letih kerana tidak ada Timbalannya hari ini, saya akan teruskan ucapan mengenai masalah kelas-kelas bahasa sendiri di Kepong yang boleh juga difahamkan sebagai masalah sekolah-sekolah di seluruh negara. Pemetongan kadar elaun POL.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup koram.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup koram. Sila bilang. 18 hadir—tidak cukup koram. Sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab tidak ada cukup koram maka mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok, 27hb Julai, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.